

KEJADIAN KHALWAT DI BANDARAYA PULAU PINANG  
(PERBANDINGAN KHAS DENGAN BUKIT MERTAJAM)

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA  
DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

Oleh

No: Matrik 26717

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

SESSI 1977/78

PERPUSTAKAAN  
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

## KANDUNGAN

### KATA PENGANTAR

Mukasurat

KATA PENGANTAR

1

SINOPSIS KAJIAN

3

PENGENALAN

5

BAB PERTAMA: TAKRIF KHALWAT

9

PANDANGAN MASYARAKAT TENTANG KHALWAT

12

PANDANGAN ISLAM TENTANG KHALWAT

15

DEVIANCE, ANOMIE DAN KAITAN DENGAN KHALWAT

17

KHALWAT SEBAGAI PENYELEWENGAN SEKS

21

BAB KEDUA: FAKTOR KHALWAT

FAKTOR DALAMAN (UGAMA)

25

FAKTOR LUARAN (URBANISASI)

27

BAB KETIGA: KAJIAN KHALWAT DI PULAU PINANG DAN

PERBANDINGANNYA DENGAN BUKIT MERTAJAM

PENDAHULUAN

44

KES-KES YANG DIBICARAKAN

47

BAB KEEMPAT: PANDANGAN TENTANG KHALWAT DI PULAU PINANG

70

MASAALAH-MASAALAH YANG DIHADAPI

77

CADANGAN UNTUK MENGATASI KHALWAT

ASPEK SOSIAL DAN UGAMA

82

ASPEK POLITIK

85

PENUTUP

87

## KATA PENGANTAR

Kajian ini dijalankan sebagai latihan ilmiah bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat tahun akhir Sarjana Muda Sastera di dalam Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Saya ingin mengucapkan terimakasih saya yang tidak terhingga kepada semua yang telah memberikan kerjasama berupa nasihat, bantuan dan teguran semasa dijalarkan kajian dan semasa latihan ilmiah ini ditulis. Kajian ilmiah ini selesai.

Penghargaan utama saya kepada mereka-mereka yang berikut:-

1. Encik Hadi bin Zakaria, Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi Fakulti Sastera dan Sain Sosial, Universiti Malaya, yang telah mengawasi kajian ilmiah ini dari awal hingga akhir.
2. Tuan Kadhi Besar Pulau Pinang, yang telah membenarkan saya menyemak dan mengkaji kes-kes yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan, dan sudi temubual untuk kepentingan kajian.
3. Tuan Kadhi Daerah Pulau Pinang yang membenarkan saya menyemak dan mengkaji fail-fail kes khalwat yang berlaku di Pulau Pinang, juga kerana kesudian beliau untuk temubual dan memberi maklumat penting.
4. Tuan Kadhi Daerah Bukit Mertajam yang membenarkan saya mengkaji kes-kes khalwat di Bukit Mertajam.
5. Tuan Pendakwa Raya Mahkamah Syariah Pulau Pinang yang sudi bertemu-bual dan memberi maklumat penting mengenai khalwat.
6. Kakitangan-kakitangan Mahkamah Syariah Pulau Pinang dan Bukit Mertajam yang turut memberi bantuan semasa dijalankan kajian.

7. Ketua Polis Daerah Beach Street Pulau Pinang yang sudi memberikan pendapat-pendapat beliau tentang kejadian khalwat di Pulau Pinang.
8. Ketua Polis Daerah Bukit Mertajam yang sudi berbual-bual dan memberi pendapat tentang kejadian khalwat di Bukit Mertajam.
9. Saudara Ramli Ali, penuntut tahun akhir Fakulti Undang-Undang yang turut sama memberi bantuan dan pandangan dari segi kedudukan undang-undang khalwat.
10. Cik Nawal Haji Sakleh, yang banyak memberikan bantuan sehingga kajian ilmiah ini selesai.

Akhir sekali, tidak lupa juga penghargaan saya yang tidak terhingga kepada kedua ibubapa dan adik-adik saya yang dikasihi atas segala sokongan, galakan dan bantuan yang telah mereka berikan dari awal hingga akhir penulisan karangan ini.

Hanya Allah sahaja yang dapat membala jasa baik mereka.

(ii) Khalwat occurs in a society which is more interested with the individual material rather than the welfare of the society as Kolej Keempat,

Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.

31hb. Disember, 1977.

Therefore, urbanisation is basically the effect of living in which is found characteristics of conflict of zones, rapid social changes, increased mobility of the population, emphasis on material goods and individualism, decline in intimate communication and increased release from formal and informal control.

## SINOPSIS KAJIAN

The proposed research study is somewhat related to the decline in moral sex which is observed to be widespread and is now covering a very large portion in our country. It is one of the social problems which has been very much discussed. The choice of "khalwat" as the main theme of this research study is due to the serious condition as one type of sexual promiscuity. The Islamic Laws has clearly stated that the religion Islam forbids the action of "khalwat". However, it is yet still widespread although it should be a strong principle of Islam in our country.

This research is based on the following stated hypothesis:-

- (i) Khalwat (Close proximity) develops according to the degree of modernisation increase. It is widespread in areas which is undergoing rapid social and economic changes.
- (ii) Khalwat occurs in a society which is more interested with the individual materials rather than the welfare of the society as a whole.
- (iii) Khalwat is committed by persons who have low religious concepts and at the same time exposed to modernised sexual values.
- (iv) Khalwat is committed as manifestation of the deprivation of legitimate access to legitimate means of sexual gratification.

Therefore, urbanisation is basically the effect of living in which is found characteristics of conflict of norms, rapid social changes, increased mobility of the population, emphasis on material goods and individualism, decline in intimate communication and increased release from formal and informal control.

The characteristics, in turn, create a sense of frustration and give rise to situation which is conducive to khalwat, including sexual deviance. When legitimate means of achieving desired social goal is blocked, man will seek other means to reach that goal.

The research study is carried out with reference to the cases of khalwat in Penang with comparisons to cases in Bukit Mertajam. The research is done with the analysis of datas obtained from the Syariah Court in both areas. The studied datas are informations of places, time, age, occupation, sex and race. The problems faced in developing moral and also suggestions and steps to be taken to overcome these problems are explained at the end of the study.

Masyarakat adalah merupakan seongan yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam meletakkan taraf sesuatu masalah itu. Penyelewengan bergantung kepada kedudukan tempat, masa dan masyarakat. Begitu juga sesuatu isu yang "undesirable" dianggap serious oleh sebahagian masyarakat tetapi dianggap ringan oleh masyarakat lain. Pada itu terdapat kontroversi sama ada sesuatu yang "undesirable" itu adalah masalah sosial atau tidak. Yang paling ketara sekali ialah taraf penyelewengan bagi masyarakat diluar bandar berbeza dari masyarakat bandar.

Khalwat juga merupakan satu masalah sosial dan juga sebagai satu penyelenggaraan didalam ajaran Islam. Ia merupakan salah satu penyelewengan sex, dan setiap penyelewangan sex itu dianggap sebagai kerentuan akhlak (moral decline).

## PENGENALAN

Masaalah sosial adalah disebabkan oleh manusia sendiri. Timbulnya masaalah itu bila adanya interaksi antara individu dengan individu atau individu dengan kumpulan dan juga kumpulan dengan kumpulan. Walaupun terdapat undang-undang, namun penyelewengan dan perlanggaran tetap juga berlaku. Penyelewengan atau "deviance" ini melebihi had-had toleransi yang tertentu yang tidak dapat diterima oleh masyarakat. Pendapat ini diutarakan oleh Sheppard yang menyatakan penyelewengan sebagai tingkah laku yang melanggar peraturan sosial sehingga melebihi had toleransi.

Masyarakat adalah merupakan golongan yang mempunyai pengaruh yang kuat dalam meletakkan taraf sesuatu masaalah itu. Penyelewengan bergantung kepada kedudukan tempat, masa dan masyarakat. Begitu juga sesuatu issu yang "undesirable" dianggap serious oleh satu masyarakat tetapi dianggap ringan oleh masyarakat lain. Dari itu terdapat kontroversi sama ada sesuatu yang "undesirable" itu adalah masaalah sosial atau tidak. Yang paling ketara sekali ialah taraf penyelewengan bagi masyarakat diluar-bandar berbeza dari masyarakat bandar.

Khalwat juga merupakan satu masaalah sosial dan juga sebagai satu penyelewengan didalam ajaran Islam. Ia merupakan salah satu penyelewangan sex., dan setiap penyelewangan sex itu dianggap sebagai keruntuhan akhlak (moral decline).

Kajian ini akan memusatkan kepada kejadian khalwat kerana ianya adalah satu bentuk penyelewengan seks (sexual promiscuity) yang agak serious. Undang-undang Islam melarang sama sekali akan perbuatan tersebut.. Namun begitu ianya semakin berleluasan walau pun ia sepatutnya menjadi pegangan umat Islam dinegara ini. Dari itu kajian ini akan berpandukan hipotesis-hipotesis yang berikut:

- 1) Kejadian ini berkembang akibat perkembangan medenisasi. Ianya berleluasa dikawasan-kawasan yang melalui perubahan ekonomi dan sosial.
- 2) Khalwat berlaku dalam masyarakat yang mementingkan kebendaan individu daripada kebajikan masyarakat.
- 3) Khalwat dilakukan oleh mereka-mereka yang mempunyai nilai ugama yang rendah dan terdedah kepada nilai sex modern.

Pada asasnya urbanasasi adalah kesan daripada penghidupan dimana ciri-ciri konflik norma, perubahan sosial yang pesat, meningkatnya mobiliti penduduk, tekanan terhadap kebendaan, individualisma, hubungan komunikasi yang renggang dan meningkatnya kebebasan dan kawalan sosial. Ciri-ciri yang diberikan dapat membentuk kebebasan dan dalam masa yang sama juga membentuk satu situasi yang menggalakkan penyelewengan, termasuk penyelewengan seks.

Dalam mencapai matlamat manusia mempunyai peluang-peluang yang berbeza. Bila berlakunya penghalangan terhadap pencapaian matlamat hidup yang sah timbulah kekeciwaan. Antara kekeciwaan tersebut termasuklah kekeciwaan seks. Kekeciwaan seks disebabkan nilai material dan belanja hidup yang dipengaruhi oleh

urbanisasi yang menyekat pencapaian seks secara sah. Dari itu mereka lakukan khalwat.

Memandangkan Pulau Pinang merupakan sebuah bandar yang mengalami proses urbanisasi dan permodenan yang pesat, tidak hairanlah Pulau Pinang juga mengalami masaalah penyelewengan seks, Dari pengaruh urbanisasi ini kita akan dapat melihat sejauh manakah masaalah ini berlaku di Pulau Pinang. Tumpuan khas adalah di bandaraya Georgetown serta perbandingan dengan Bukit Mertajam kerana dua buah bandar inilah yang sedang berkembang dan berlaku perubahan sosial dan perkembangan urbanisasi di Pulau Pinang.

Disebabkan khalwat adalah didalam undang-undang Islam ditiap-tiap negeri dan dikuatkuasakan kepada orang-orang Islam sahaja, kejadian khalwat ini banyak terjadi dikalangan orang-orang Melayu amnya. Kajian ini akan banyak melihat dari aspek ugama, sosial dan kesan-kesannya kepada ugama Islam sendiri. Undang-undang ini tidak dikuatkuasakan kepada kaum lain yang bukan berugama Islam di Malaysia ini. Undang-undang khalwat ini telah ditetapkan oleh perlembagaan Malaysia sebagai satu bahagian kecil dalam undang-undang pentadbiran ugama Islam ditiap-tiap negeri di Malaysia. Undang-undang ini dikuatkuasakan kepada yang berugama Islam sahaja.

#### CARA KAJIAN (RESEARCH PROCEDURE)

Kajian ini dijalankan dengan menyemak fail-fail dari mahkamah Syariah bandaraya Georgetown dan Bukit Mertajam mengenai kes-kes khalwat yang dibicarakan. Diperingkat temuduga ianya dijalankan dengan temubual dengan pegawai-pegawai ugama seperti:

- 1) Kadhi Besar bandaraya Pulau Pinang.
- 2) Kadhi Daerah bandaraya Georgetown.

- 3) Kadhi Daerah Bukit Mertajam.
- 4) Pegawai Pendakwaraya Mahkamah Syariah Pulau Pinang.
- 5) Pegawai-pegawai Polis di Pulau Pinang dan Bukit Mertajam.

Dewan Khalwat mempunyai dua maksud:

- 1) Perihal mengasingkan atau memencilkan diri kerana menenangkan. Kajian-kajian ini berdasarkan seratus-peratus daripada kes-kes khalwat yang terdapat di Mahkamah Syariah sahaja. Kajian tidak dijalankan diluar daripada kes-kes tersebut. Data-data yang didapati daripada Mahkamah Syariah yang dikaji akan dianalisa dan diproses sendiri oleh pengkaji. Angka-angka statistik akan diberi di mana perlu. Walaupun data-data yang didapati dari Mahkamah Syariah tidak lengkap dan berlaku kekurangan di sana sini ianya dijangka bukan sebagai kelemahan pengkaji. Angka-angka statistik pa dan peratus adalah berdasarkan dari data-data yang ada walaupun ianya kurang lengkap. Keadaan ini memang tidak dapat dielakkan dan diharap sedikit sebanyak dapat membantu dan memberi gambaran serba ringkas tentang kejadian Khalwat di Pulau Pinang.

2) Seorang lelaki Islam yang didapati berkurung dan berhampiran yang mendatangkan syuk dengan seorang perempuan, sama ada berugama Islam atau tidak selain daripada perempuan yang mohrim mengikut hukum syariah dengan sebab perhubungan darah, persaudaraan atau peneliharaan hendaklah menjadi salah kerua burkhniyat.

2) Seorang perempuan Islam yang didapati berkurung dan

---

1) Bantuan Iklanadar .....Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka)

berhampiran yang mendatangkan syak dengan seorang lelaki sama ada berugama Islam atau tidak. Ia terjadi di atas hubungan dari hukum syarak TAKRIF KHALWAT

### BAB PERTAMA

Melalui Kamus Dewan khalwat mempunyai dua maksud:

- 1) Perihal mengasingkan atau memencilkan diri kerana aspir menenangkan fikiran, bertafakkur dan lain-lain.
- 2) Perihal mengasingkan diri berdua-duaan dalam keadaan yang sumbang ditempat yang sunyi, terpencil dan tersembunyi oleh pertalian seorang lelaki dan perempuan yang belum bernikah.<sup>1</sup>

Dari kedua-dua takrif yang diberikan oleh Kamus Dewan definasi yang pertama adalah terkeluar daripada konsep kajian ini. Yang pentingnya ialah takrif dibahagian kedua dimana ditekankan dibahagian terpencil, tersembunyi antara lelaki dan perempuan tanpa nikah.

Dari segi yang lain pula, ia itu takrif yang diberi di dalam bahagian kecil Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- 1) Seorang lelaki Islam yang didapati berkurung dan berhampiran yang mendatangkan syak dengan seorang perempuan, sama ada berugama Islam atau tidak selain daripada perempuan yang muhrim mengikut hukum syarak dengan sebab perhubungan darah, persaudaraan atau pemeliharaan hendaklah menjadi salah kerana berkhalwat.
- 2) Seorang perempuan Islam yang didapati berkurung dan

---

1) Tengku Iskandar ..... Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka)

berhampiran yang mendatangkan syak dengan seorang lelaki sama ada berugama Islam atau tidak selain daripada hubungan dari hukum syarak seperti yang disebut di atas menjadi salah kerana berkhalwat juga.<sup>1</sup>

Definasi khalwat dari bahagian dua Kamus Dewan dan definisi dari Undang-undang kecil Ugama Islam di Pulau Pinang adalah hampir sama. Tetapi definasi yang diberikan oleh Undang-undang kecil Ugama Islam Negeri Pulau Pinang adalah lebih jelas kerana ia membawa maksud yang khalwat itu berlaku antara pasangan lelaki dan perempuan sama ada yang berugama Islam atau tidak dan juga mereka tidak mempunyai hubungan muhrim iaitu hubungan darah, persaudaraan dan pemeliharaan. Yang lebih penting lagi adalah petikan perkataan-perkataan yang mengatakan, melakukan perbuatan 'berkurung dan berhampiran yang mendatangkan syak'.

Untuk mendapat penjelasan yang lebih tehang lagi biarlah saya beri penerangan dan tafsiran tentang maksud perkataan-perkataan tertentu yang terdapat di dalam takrif khalwat itu sendiri.

Muhrim: Ianya lebih berat dalam soal pilih jodoh.

Hubungan muhrim di sini adalah hubungan yang sangat rapat yang tidak membolehkan pasangan tersebut berkahwin. Hubungan tersebut adalah disebabkan perhubungan darah, persaudaraan dan pemeliharaan.

Berdua-duaan: Berdua-duaan dalam konteks khalwat di mana keadaan sekeliling yang sunyi dan tersembunyi dan juga gelap. Suasana ini akan membuka peluang kepada pasangan-pasangan yang bukan muhrim tadi bercumbu-cumbu dan melakukan persetubuhan jenis secara

---

1) Seksyen 149, Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Pulau Pinang, No. 3, Tahun 1959.

haram.

Berkurung: Tafsiran secara luas ialah tempat yang jauh dan tersembunyi seperti di tengah padang, dalam belukar dan dalam bilik atau pun tempat yang jauh daripada pandangan ramai. Mengikut penentuan Mahkamah Syariah adalah mementingkan keadaan yang boleh menimbulkan syak, sumbang dan menjolok mata sama ada berkurung atau pun tidak.

Syak: Keadaan di mana pada pandangan masyarakat adalah sumbang, seperti bercumbu-cumbuan antara lelaki dan perempuan yang belum bernikah dan membolehkan berlakunya zina (perhubungan jenis haram). Menurut tafsiran Mahkamah Syariah tidak perlu untuk buktikan perbuatan yang sumbang, memadailah dengan berada di tempat yang tersembunyi daripada pandangan masyarakat.

Keadaan keliling yang dapat menimbulkan syak adalah seperti berikut secara umum:

- 1) Tempat yang jauh dan tersembunyi.
- 2) Tidak ada orang lain selain daripada pasangan tersebut.
- 3) Tempat yang gelap atau kurang terang pada waktu malam.
- 4) Kedudukan umur.
- 5) Perhubungan dan pertalian.
- 6) Tanpa tujuan yang manasabah.

Kehadziran berdua-duaan dengan alasan yang manasabah dan tidak menimbulkan syak tidak dianggap khalwat. Contohnya seorang majikan lelaki dan seorang pegawai perempuan di dalam pejabat kerana mereka mempunyai maksud untuk melicinkan pekerjaan dan pentadbiran. Keadaan ini dapat diterima oleh masyarakat. Begitu juga dengan keadaan diantara majikan dengan prang gaji.

Dengan penerangan yang jelas dari segi tafsiran khalwat, akan memudahkan fahaman untuk kajian ini.

#### PANDANGAN MASYARAKAT TERHADAP KHALWAT

Pandangan masyarakat setempat berbeza dengan pandangan masyarakat lain. Ada masyarakat yang memandang serius dan ada masyarakat yang memandang ringan. Pandangan masyarakat yang berbeza adalah disebabkan oleh pengaruh dan nilai-nilai yang berbeza.

Masyarakat yang benar-benar memandang serius adalah dari golongan yang berpegang kuat pada ajaran ugama Islam; dan mereka yang mempunyai nilai dan didikan moral yang tinggi.

Masyarakat yang benar-benar memandang serius adalah masyarakat luarbandar. Hubungan masyarakat luarbandar yang rapat antara individu dan masyarakat itu mengambil berat tentang 'welfare' ahli-ahli mereka. Hubungan 'organic solidarity' menyebabkan mereka mengambil tahu setiap perkembangan dalam masyarakat tersebut. Dengan sikap bekerjasama, kekitaan (we-feeling) dan tidak berunsur individualisme dapat dianggap sebagai kawalan terhadap masyarakat.

Nilai adalah memainkan peranan penting. Dalam masyarakat yang memandang tinggi terhadap 'ugama' perkara-perkara sumbang sukar berlaku walaupun kejadian tersebut memang wujud dalam kawalan yang bagaimana ketat sekali pun. Di kampung-kampung surau atau masjid merupakan tempat berkumpul dan berbincang, begitu juga dalam soal memperkembangkan moral ugama Islam.

Masyarakat di luarbandar memandang serius terhadap khalwat kerana pasangan-pasangan yang didapati berkhawat adalah dikesan oleh orang-orang kampung sendiri. Sekiranya ada ahli masyarakat yang mendapat tahu ada pasangan yang berkhawat perkara itu dilapurkan kepada pihak yang berkuasa di kampung-kampung, orang tua-tua dan

ahli jawatankuasa masjid. Selalunya yang mengetuai serbuan khalwat terdiri dari ketua kampung, Imam, Bilal atau pun mana-mana orang tua yang dihormati.

Disebabkan khalwat dipandang serius, jika ada peluang yang terbuka mereka masih ragu-ragu untuk melakukan sesuatu yang sumbang. Di kampung-kampung berpegangan tangan antara lelaki dan perempuan di khelayak ramai telah dianggap ~~dan~~ menjolok mata, apakan lagi berkhalwat.

Pasangan-pasangan yang pernah ditangkap kerana berkhalwat dikenakan 'sanction' oleh masyarakat kampung tersebut mengikut keadaan tempat.. Yang memalukan, mereka akan jadi tumpuan masyarakat untuk perbualan dan dicaci, kerana 'gossips' adalah satu kebiasaan bagi masyarakat yang mempunyai hubungan yang rapat dan sifat orang Melayu di luarbandar.

Yang menakutkan lagi ialah ada pasangan lelaki yang dipukul oleh orang-orang kampung; lebih-lebih lagi jika ianya bukan berasal dari kampung itu sendiri. Kejadian seperti ini disebabkan oleh perasaan 'kekitaan' yang kuat dikalangan mereka dan perbuatan berkhalwat itu dianggap boleh memalukan nama masyarakat mereka.

Diantara hukuman lain yang dikenakan oleh masyarakat luar-bandar ialah memaksa pasangan yang melakukan khalwat itu berkahwin. Tujuannya supaya membersihkan nama pasangan itu, dan juga menjaga moral dan nama baik mereka yang bersalah dan juga nama baik keluarga. Tangkapan dan hukuman begini lebih dikenali dengan panggilan 'tangkap basah'. Sebab itulah jika ada pasangan-pasangan yang mahu lakukan sesuatu yang sumbang atau mempunyai tujuan seks lebih suka melakukannya di tempat lain dengan dirancangkan terlebih dahulu.

Selalunya dengan cara berjanji berjumpa di stesyen bas atau panggong wayang dan juga menonton wayang gambar. Cara ini mungkin mendapat kebebasan dan jauh dari pandangan serta kawalan masyarakat kampung. Pasangan-pasangan dari luarbandar yang melakukan 'date' dan juga khalwat di bandar-bandar misalnya adalah disebabkan masyarakat bandar yang terbuka dan mempunyai nilai-nilai yang berbeza daripada masyarakat luarbandar.

Kendaraan : Bagi masyarakat yang memandang nilai-nilai lain lebih tinggi dari nilai ugama, perkara-perkara sumbang dan keruntuhan moral tidak dipandang begitu serius dan dianggap ringan. Nilai yang berubah adalah disebabkan oleh pengaruh luar. Urbanisasi adalah faktor penting yang mengubah penilaian dan pemikiran masyarakat.

Dalam masyarakat 'urban' yang mempunyai ciri-ciri kebendaan dan individualisme menyebabkan masyarakat setempat tidak mengambil berat tentang apa-apa yang berlaku di sekeliling mereka. Khalwat tidak dianggap serius kerana ianya tidak melibatkan peribadi mereka. Walaupun seseorang individu itu berugama Islam tetapi soal moral orang lain bukan menjadi masalah mereka, walaupun apa yang dilakukan oleh orang lain itu melanggar lunas-lunas ugama.

Dengan ini wujud kebebasan dan tidak ada kawalan sosial. Suasana yang begini menggalakkan khalwat. Pasangan-pasangan mengambil kesempatan yang terbuka dan merasa tidak bersalah ataupun mengganggu orang lain. Pasangan-pasangan yang berdua-duaan dan bercumbu-cumbu tidak lagi dianggap menjolok mata dan sumbang. Disebabkan keadaan ini dibiarkan ianya menjadi satu perkara biasa dan wujud sebagai satu 'sub-culture' bagi masyarakat yang mengalami proses modenisasi.

Dengan kesedaran tentang keruntuhan moral dikalangan orang-

orang Islam yang telah berubah nilai hidup mereka, pihak yang berkuasa iaitu Majlis Ugama Islam ditiap-tiap negeri menetapkan undang-undang yang bertujuan untuk membasmi khalwat. Didalam undang-undang khalwat ini ada menyebut walaupun salah seorang daripada yang ber-khalwat itu bukan berugama Islam ianya masih dianggap salah dari segi undang-undang. Tetapi yang dibawa ke mahkamah untuk dibicarakan adalah yang berugama Islam sahaja. Yang bukan Islam dibebaskan. Keadaan ini disebabkan yang bukan Islam itu tidak dikuatkuasakan di-bawah undang-undang ugama Islam.

Dengan penjelasan ini jelaslah perbuatan yang salah dari segi ugama Islam tidak akan dapat memberi apa-apa kesan kepada yang bukan Islam. Dari itu pasangan-pasangan yang bukan Islam ini tidak akan merasa ragu-ragu tentang kedudukan mereka. Khalwat bagi mereka bukan sesuatu yang serius dan tidak menjadi apa-apa kesalahan. Khalwat bukan satu masaalah moral yang serius bagi mereka. Malahan bagi setengah kaum ianya dapat diterima dalam masyarakat mereka.

#### PANDANGAN ISLAM TERHADAP KHALWAT

Dalam Islam pandang memandang antara seorang lelaki dan seorang perempuan yang bukan muhrim sudah menjadi kesalahan dan dianggap haram. Apa lagi berkhawat, kerana khalwat sudah melebihi had pandang memandang antara lelaki dan perempuan. Khalwat juga adalah perantaraan antara pandang memandang dengan zina (persetubuhan haram).

Dalam Islam hukuman bagi orang yang berzina boleh direjam dengan batu sehingga mati. Zina adalah perlakuan setelah khalwat. Tidak akan berlakunya zina jika tidak berlakunya khalwat. Jadi untuk mengelakkan zina adalah lebih baik mengelakkan khalwat terlebih dahulu.

Islam adalah ugama rasmi bagi Malaysia. Disetiap negeri di Malaysia ini ada Majlis Ugama Islam sendiri untuk melicinkan pentadbiran ugama Islam. Ketua ugama bagi setiap negeri ialah Raja atau Sultan. Setiap Majlis Ugama Islam ditiap-tiap negeri mempunyai undang-undang Ugama Islam yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

Dalam undang-undang Ugama Islam di Pulau Pinang, dalam satu bahagian kecil ada menyebut hukuman terhadap orang yang berkhawat penjara selama 2 bulan atau denda sebanyak \$200/- bagi kali pertama. Bagi kesalahan kali kedua dengan penjara selama tidak lebih daripada 3 bulan atau dengan denda tidak lebih daripada \$300/-.<sup>2</sup>

Dari itu kajian ini seterusnya akan menitikberatkan kejadian khawat dikalangan orang-orang Islam sahaja dengan tumpuan khas kepada orang-orang Melayu yang majoritinya berugama Islam. Dari itu dapat dikatakan di Malaysia ini khawat adalah masaalah orang Melayu tetapi bukan pada kaum lain, kecuali yang berugama Islam.

2) Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri Pulau Pinang, Seksyen 149, Bahagian 1,2, dan 3, No. 3, Tahun 1959.

## DEVIANCE, ANOMIE DAN KAITANNYA DENGAN KHALWAT

Tingkah-laku yang melanggar norma dinggap deviance (penyelewengan). Norma sosial merupakan peraturan-peraturan yang menguasai tingkah-laku manusia untuk mencapai matlamat. Peraturan-peraturan ini termasuklah mores, folkways dan undang-undang bertulis. Matlamat sosial merupakan sesuatu yang dapat mencerminkan nilai masyarakat. Nilai sebagai sesuatu yang abstrak yang dihargai oleh institusi sosial dan masyarakat.

Bagi Merton Deviance ialah:

.... deviant behaviour involves significant departures from norms socially assigned to various statuses and roles. What constitutes deviant behavior in any case is not unequivocally clear for, as we have repeatedly noted, people sometime differ widely on social norms.<sup>3</sup>

Yang menggalakkan berlakunya penyelewengan adalah kesan dari 'anomie', atau pertembungan antara 'institutional means' dan dalam matlamat budaya untuk mencapai matlamat individu melalui cara-cara yang sah yang ditetapkan oleh masyarakat. Didalam masyarakat yang bercorak 'urban industrial' menekankan dari segi pencapaian material dalam bentuk kekayaan dan pelajaran. Keadaan ini diterima sebagai matlamat status didalam budaya.<sup>4</sup>

Bila Matlamat budaya selalunya dicapai melalui jalan

3) Robert K.Merton, "The Sociology of Social Problem", Contemporary Social Problem, (1976) ms 28.

4) Robert K.Merton, "Social Structure and Anomie", Social Theory and Social Structure, (1957) ms 131-160.

yang sah (legitimate means) iaitu pekerjaan yang tetap, jawatan yang pendapatannya memuaskan dan juga melalui pelajaran. Sekiranya Saluran saluran ini tidak wujud bagi setengah pihak seperti gulungan yang miskin, kelas bawahan dan juga mereka yang dari kalangan ethnrik dan kaum tertentu. Adalah sukar bagi gulungan yang disebutkan mencapai matlamat-matlamat mereka melalui jalan yang sah. Dari itu mereka terpaksa menggunakan jalan yang tidak sah atau dalam bentuk tingkah laku yang meyeleweng.<sup>5</sup>

Dengan itu penyelewengan merupakan pencapaian yang berbeza daripada masyarakat yang sah. Gulungan-gulungan yang seperti kelas bawahan, dan berpendapatan rendah terpaksa melanggar norma sosial untuk mencapai matlamat yang dicapai oleh kelas menengah dan kelas atasan.

Didalam struktur masyarakat terdapat beberapa elemen penting seperti matlamat (goals), Tujuan (purposes) dan kepentingan (interest). Kepentingan-kepentingan ini dikawal oleh cara-cara yang sah untuk mencapai matlamat. Tetapi bila cara yang diterima (acceptable means) tidak dapat membantu mencapai matlamat yang tidak dibenarkan oleh norma, dipanggil "Anomie".<sup>6</sup>

Bagi Durkheim pula anomie adalah keadaan dimana kurangnya peraturan, tidak wujudnya norma, tidak ada undang-undang yang dapat mehemahkan norma mana-mana orang persaorangan atau kumpulan yang membolehkan berlakunya penyelewengan.<sup>7</sup>

5) Marshall B,Clinard. "Poverty, Anomie and Deviant Behaviour" Sociology of Deviant Behaviour, (1957) ms 112.

6) Robert K.Merton. "Socio Structure and Socio Theory", American Sociological Review, 3, ms 672-682.

7) Knudten, Richard D dan Stephen Schafer. "Social Structure and Anomie", Juvinile Delinquency (1970) ms 75. merupakan kata pengantar yang ditulis oleh Merton.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan anomie merupakan dimana tidak ada jalan-jalan yang sah untuk mencapai matlamat. Reformasi dari teori anomie Merton dilakukan oleh Cloward, dengan mengatakan pencapaian melalui jalan-jalan yang tidak sah juga mempunyai variasi. Didalam teori Merton penyelewengan adalah hasil dari perbezaan pencapaian matlamat. Bagi Cloward perbezaan melalui pencapaian cara yang tidak sah juga berbeza-beza. Ini disebutnya 'differential opportunity'. Penyesuaian ini adalah mengikut susunan sosial (social strata) terutamanya kelas bawahan.<sup>8</sup>

Khalwat juga merupakan satu peyelewengan kerana ia merupakan perlanggaran norma iaitu undang-undang Islam yang terdapat disetiap negeri dibawah Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam. Bagi masyarakat Melayu yang homogenous yang masih bersikap kekitaan khalwat merupakan perlanggaran mores. Bagi mencapai matlamat sosial dengan cara yang sah tanpa melakukan khalwat ialah melalui perkahwinan.

Didalam kes khalwat wujudnya faktor-faktor tertentu mengapa pelaku-pelaku khalwat melakukannya dengan jalan yang tidak sah. Antara faktor-faktornya ialah umur, kematangan, latar belakang dan kemampuan material. Biña faktor-faktor ini tidak lengkap, maka pencapaian matlamat melalui cara yang sah adalah tidak mungkin. Terutamanya golongan-golongan yang berpendapatan rendah yang belum benar-benar berkemampuan untuk mendirikan rumah tangga dari segi persediaan material. Tambahan pula kos perkahwinan untuk mendirikan rumah tangga pada masa sekarang agak tinggi.

---

8) Richard A. Cloward. "Illegitimate Means, Anomie and Deviant Behaviour", American Sociological Review, 24. ms 164-176.

Belanja hidup dimasa sekarang adalah tinggi dengan kenaikan harga barang dan pendapatan yang tidak mencukupi sedangkan matlamat sosial wujud pada setiap individu. Masaalah begini tidak lah wujud bagi kelas menengah dan kelas atasan. Khalwat bagi kelas-kelas ini lebih merupakan keseronokan dan kebebasan otonomi.

Khalwat merupakan 'innovation' kerana ia merupakan penyesuaian dalam menggunakan cara yang tidak sah disebabkan pencapaian matlamat secara sah dihalang. Namun demikian seperti yang dinyatakan oleh Cloward didalam pencapaian secara tidak sah peluangnya tidak terbuka pada semua pihak. 'Differential opportunity' memainkan peranan penting didalam penyesuaian kepada peyelewengan. Cara yang tidak sah tidaklah sentiasa terbuka, ianya bergantung kepada masa, tempat dan juga strata sosial.

Didalam masyarakat yang homogenous seperti diluar bandar walaupun mereka dari kelas bawahan yang mempunyai 'temptation' untuk melakukan penyelewengan seperti khalwat, tetapi peluang yang tidak sah tidak juga terbuka kepada mereka menurut teori 'differential opportunity' tadi. Peyelewengan juga bergantung kepada 'reference group' dalam satu-satu masyarakat. Bagi masyarakat yang dapat terima khalwat seperti dalam kelas bawahan bagi masyarakat bandar yang heterogenous dan individualistik cara yang tidak sah ini terbuka. Didalam masyarakat yang moden hari ini ada kumpulan yang menganggap khalwat ini dengan cara yang berbeza, ada yang menganggapnya sebagai penyelewengan dan ada yang dapat menerimanya.

Yang dapat menerima khalwat ini menganggap ianya dapat

9) Marshall B. Clinard, "Heterosexual Deviance", Aetiology of Deviant Behaviour, ss. 98.

memberi implikasi khalwat ini dapat meninggikan 'prestige'. Pelaku-pelakunya mencari prestige dengan beberapa 'focal concern'.

- 1) Sejauh manakah mereka dapat mengelakkan 'trouble'.
- 2) Mencari keseronokan dengan cara yang murah.
- 3) Percayakan pada nasib (fate), didalam khalwat jika mereka rasakan selamat mereka akan mencari keseronokan.
- 4) Mahukan kebebasan, iaitu bebas dari kawalan dan di-jaga. Kebebasan disini merupakan satu 'expression' tetapi ianya bukan reality.

#### KHALWAT SEBAGAI PENYELEWENGAN SEKS (& HETEROSEXUAL DEVIANCE)

Tingkah-laku seks selalunya dikawali oleh berbagai 'formality' dan bentuk tekanan. Keadaan yang demikian disebabkan oleh beberapa faktor yang memberi kesan daripada tingkah-laku seks, antaranya:

1) Tekanan seks (sexual drive) adalah sangat kuat. Ianya wujud 24 jam. Tekanan ini boleh dibentuk tetapi tidak boleh dihapuskan.

2) Pembentukan tingkah-laku seks adalah kompleks kerana untuk kepuasan seks selalunya memerlukan hubungan yang 'direct' dan rapat dengan individu lain.

3) Disebabkan kesan dari perlakuan seks, seperti hubungan jenis dapat mewujudkan manusia yang baru. Dengan itu terdapat sistem norma dan institusi-institusi yang dapat mengesahkan kelahiran dan pemeliharaan.<sup>9</sup>

9) Marshall B.Clinard, "Heterosexual Deviance", Sociology of Deviant Behaviour. ms 498.

Dengan melakukan penyelewengan seks telah dianggap melanggar norma-norma formal sesuatu kumpulan atau pun undang-undang. Tetapi dari segi lain mereka tidak mengganggu atau pun merosakkan pihak yang lain. Sebaliknya 'mangsa' (victim) penyelewengan seks itu pun kadangkala dengan rela melakukannya seperti perhubungan jenis dan khalwat misalnya. Didalam kumpulan-kumpulan masyarakat terdapat variasi yang berbeza tentang peyelewangan seks. Walau pun didalam undang-undang yang mengawal ada tercatit tentang penyelewangan seks ianya tidak bermakna setiap kumpulan masyarakat menganggapnya sebagai perlakuan seks yang menyeleweng.

Setiap masyarakat mempunyai kawalan secara 'formal' dan 'informal' terhadap tingkah laku seks, namun cara penekanan terhadap kawalan perlakuan adalah berbagai cara. Ianya bergantung pada keadaan dimana kawalan itu dikenakan. Sexual mores adalah luas variasinya, ianya bergantung dalam masyarakat mana penyelewangan seks itu berlaku. Bagi masyarakat bandar misalnya ia mempunyai berbagai 'subcultures' didalam kumpulan sosial dan kelas.

Kumpulan-kumpulan sosial dan kelas ini mempunyai norma-norma seks masing-masing. Apa yang dapat diterima didalam satu kontek 'subculture' mungkin dianggap sesuatu yang serious kepada yang lain. Misalnya dalam soal khalwat, ianya dapat diterima didalam kumpulan masyarakat yang bukan Islam dan juga orang-orang Islam sendiri yang terpengaruh dengan kehidupan moden. Tetapi bagi orang-orang yang berpegang kuat kepada ugama Islam ianya dianggap sebagai sesuatu yang agak serious dan ianya sebagai penyelewengan.

### Berubahan Sosial dan Tingkah-Laku Seks

Gagnon dan Simon menganggap perubahan yang radikal terhadap kualiti dan kuantiti penerimaan seks didalam masyarakat semakin berkembang, dan ianya tidak dapat dinafikan lagi didalam masyarakat sekarang.<sup>10</sup> Golongan-golongan yang menentingkan keseronokan pada hari ini merasakan bila individu-individu nembesar dan menjadi matang adalah perlu untuk memperaktikkan kebolehan seks mereka. Tambahan pula peluang untuk mempraktikkannya adalah jarang-jarang sekali. Meningkatnya kebebasan seks yang meluas hari ini adalah melalui mass-media terutamanya melaui filem, majallah dan buku-buku, ianya juga disebabkan oleh kebebasan untuk membincangkan soal-soal seks.<sup>11</sup>

Perkembangan sekular yang disertai dengan kejatuhan ugama merupakan sebab utama manusia mengenepikan pendapat-pendapat tradisi dan pihak ugama mengenai soal seks. Perkembangan perhubungan dan pelajaran hari ini menjadikan sukar kepada kepercayaan 'conservative' dan tradisional mempengaruhi zaman. Tambahan pula didalam negara yang bercorak sistem perusahaan kapitalis, seks dianggap sebagai barang yang menguntungkan bila diperniagakan. Bila seks dijadikan pengaruh perniagaan ianya dapat menarik perhatian awam. Golongan yang 'opportunist' dan materialis lebih memberatkan kepentingan mereka daripada nilai dan moral masyarakat.

Wanita-wanita hari ini telah menuntut hak yang sama dengan lelaki. Begitu juga peranan seks telah berubah. Masyarakat mengiktirafkan wanita juga berhak mengalami 'keseronokan seks', dan pengenalan pencegah kehamilan menggalakkan lagi soal ini.

10) John H.Gagnon dan William Simon, "Perspective on Sexual Scene" Chicago Publishing Company, 1970. ms 1-3.

11) Marshall B.Clinard, ibid ms 501.

Pesatnya tingkah-laku seks pada hari ini telah melebihi daripada perlanggaran kepercayaan khasnya ugama, bahkan ianya muncul sebagai satu taraf seks (sexual standard) yang baru. Begitu juga khalwat ia merupakan satu standar yang baru dinegara kita pada masa ini. Secara primary khalwat bukanlah berdasarkan keputusan-keputusan individu, ianya kesan dari kumpulan-kumpulan yang 'significant' dalam kontek norma masyarakat mereka. Ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan sosio-budaya.

Menurut Reiss 'courtship' yang terdapat sekarang mempunyai ciri yang boleh menggalakkan hubungan seks sebelum kahwin (termasuk khalwat) kerana peluang terbuka melalui pergaulan yang bebas, parti-parti, tari-menari, keadaan yang 'private' dan penerimaan budaya belia-belia pentingnya hubungan yang mesra.<sup>12</sup> Reiss memandang dalam kontek di Amerika Syarikat ciri-ciri yang membolehkan berlakunya persetubuhan secara haram. Dalam konsep negara kita pendapat Reiss dapat digunakan iaitu kumpulan-kumpulan belia yang dalam percintaan sebagai ciri-ciri yang menggalakkan penerimaan khalwat. Ini disebabkan terbukanya peluang melalui 'temptation', dan 'privacy', juga pentingnya 'affection' dalam hubungan yang berlainan seks.

Dalam mencapai matlamat seks, khalwat merupakan salah satu jalan keluar untuk memenuhi kepentingan seseorang individu. Jika individu itu mendapat tempat yang akan dilakukan khalwat itu merbahaya dan terburu ia akan cari tempat lain yang lebih

12) Ira L. Reiss, "Premarital Sex as Deviant Behaviour": An Application of Current Approaches to Deviance", American Sociological Review, jilid 35, ms 83.

## BAB DUA

selamat. Tiukuh laku dan peraturan manusia tidak dapat dikawal, sebab

### FAKTOR KHALWAT

Berlakunya khalwat adalah disebabkan oleh dua faktur penting iaitu faktur dalaman dan faktur luaran.

Faktur Dalaman

Faktur dalaman adalah merupakan faktur yang lebih penting antara kedua-duanya. Dengan faktur luaran tanpa sokongan faktur dalaman khalwat tidak mungkin akan berlaku. Faktur dalaman adalah perasaan dan emosi yang dialami oleh sesorang individu itu sendiri. Ia melakukan khalwat sebab didorong oleh perasaan dan emosinya.

Tekanan emosi ini disebabkan oleh dorongan 'biological needs'. Di dalam memenuhi 'need' ini tiap-tiap individu mempunyai matlamatnya (goal) yang tersendiri.

Bagi Merton didalam memenuhi need ini sekiranya matlamat tersebut dihalang individu akan mencari alternatif lain dan jalan keluar supaya matlamatnya tetap tercapai. Yang penting ialah mencapai matlamat, tidak kira bagaimakah cara untuk mencapainya. Sekiranya cara yang sah tertutup, cara yang tidak sah akan digunakan untuk mencapai matlamat tersebut.<sup>1</sup>

Didalam mencapai matlamat seks, khalwat merupakan salah satu jalan keluar untuk memenuhi kepentingan sesorang individu. Jika individu itu mendapat tahu tempat yang akan dilakukan khalwat itu merbahaya dan terbuka ia akan cari tempat lain yang lebih

1) Robert K.Merton ..... " Social Structure and Social Theory " American Sociological Review, vol 3 ms 672-682.

selamat. Tingkah laku dan perasaan manusia tidak dapat dikawal, sebab itu penyelewengan mudah berlaku pada mana-mana manusia sahaja sekiranya mereka tidak mempunyai kawalan terhadap diri sendiri dan bertanggung jawab.

Setelah memahami yang khalwat itu berlaku disebabkan oleh tekanan emosi, tetapi mengapakah individu-individu tidak dapat mengawal tingkah laku dan perasaan mereka? Dalam soal ini kita perlu faham sikap pelaku-pelaku khalwat tersebut. Sebabnya ialah kawalan rohani mereka itu lemah, dan nilai yang ada pada diri mereka sendiri.

Nilai yang dimaksudkan ialah nilai Ugama. Apabila nilai ugama itu dipandang rendah larangan-larangan ugama akan dianggap ringan. Individu tidak akan merasa takut melakukan yang haram atau melanggar mana-mana nilai dan norma ugama. Yang penting baginya ialah mencapai matlamat ia itu kepuasan personal dengan mengenepikan nilai-nilai ugama. Nilai ugama yang bagaimanakah yang dimaksudkan yang patut dimiliki oleh tiap-tiap individu untuk mengelakkan mereka daripada melanggar norma-norma ugama? Dengan melakukan Rukun Islam yang lima belum tentu dapat mengawal sesorang itu dari melanggar ajaran ugama.

Sekiranya sesorang itu mengetahui tentang ugama dengan mendalam tetapi tanpa mempraktikkannya ia belum tentu akan terpisah dari melakukan sesuatu yang haram. Yang penting bagi sesorang umat Islam itu ialah menghayati nilai dan moral ugama dengan perasaan yang ikhlas dan rela dari segi rohani dan jasmani. Individu wajib menyerahkan jiwa dan jasadnya kepada Tuhan.

Bila dikaitkan dengan perlanggaran didalam ugama Islam hukuman yang sebenarnya yang akan diterima dari Tuhan cuma di Akhirat sahaja yang akan ditentukan. Dari itu manusia yang melanggar ajaran

Islam didunia tidak dihukum sepenuhnya di dunia. Soal inilah yang menimbulkan perasaan ragu-ragu dan was-was tentang pembalasan dari Tuhan. Sedangkan balasan-balasan yang 'tangible' belum dapat dilihat di dunia. Penentuan masa yang panjang inilah yang menggalakkan perlanggaran norma-norma ugama.

Didalam dunia moden orang-orang yang melanggar norma-norma ugama tidak merasa begitu takut pada Tuhan. Bahkan apa yang lebih ditakutkan ialah undang-undang yang dicipta oleh manusia sendiri. Contohnya mereka-mereka yang melakukan khalwat, walaupun diketahui khalwat itu haram dari segi ugama. Golongan ini lebih takut kepada Pegawai Hal Ehwal Ugama (Pencegah Maksiat), anggota polis dan khasnya undang-undang, sebab, sekiranya mereka tertangkap akan melibatkan nama baik, moral dan denda yang harus dibayar oleh mereka. Dari itu mereka cuba elakkan daripada terkena hukuman undang-undang dengan mencari jalan yang paling selamat.

Kawalan rohani merupakan asas yang terpenting dalam mengawal tingkah-laku tiap-tiap individu, ia merupakan faktor yang terpenting dalam melakukan segala jenis perlanggaran dan penyelewengan. Begitu juga dengan kes khalwat, tambahan pula dengan masyarakat yang 'heterogenous' hari ini yang menganggap ianya tidak begitu serius. Kemerosotan nilai-nilai rohani dan ugama akan diterangkan nanti dalam bahagian urbanisasi nanti.

#### Faktor Luaran

Faktor luaran lebih merupakan 'correlate' kepada faktur dalam yang telah dibincangkan tadi. Faktur luaran ini sebagai 'catalyst' yang menggalakkan berlakunya khalwat. Seperti yang telah diterangkan dibahagia awal tadi faktur luaran ini dengan sendirinya

belum cukup kuat untuk mengatakan ianya penting sekali untuk berlaku khalwat.

Faktor luaran yang akan dibincangkan berpusat kepada urbanisasi yang mempunyai kaitan yang rapat dengan modenisasi. Ciri-ciri urbanisasi merupakan 'correlate' berlakunya khalwat. Tetapi harus difaham disini sekiranya faktur nilai ugama dibahagian awal tadi tidak digabungkan, khalwat tidak akan dianggap serius. Khalwat dianggap serius hanya kepada orang-orang Islam sahaja. Bagi yang bukan Islam khalwat (close proximity) dianggap penyelewengan juga tetapi ianya tidak dianggap begitu serius, tambahan pula mereka tidak mempunyai larangan-larangan yang khas didalam ugama seperti Islam.

Komititi bandar mempunyai ciri-ciri se-  
Faktur urbanisasi ini lebih merupakan 'catalyst' berlakunya khalwat sebab dizaman sebelum pra-moden lagi telah ada masaalah ini. Masaalah moral ini wujud serentak dengan wujudnya manusia di-dunia ini. Dari sudut sosiologi kita dapat membuat hipotesis bahawa kejadian khalwat yang semakin berleluasan adalah akibat perkembangan peringkat modenisasi. Dari itu khalwat berkembang dikawasan-kawasan yang sedang mengalami perubahan ekonomi dan sosial yang pesat. Urbanisasi yang berlaku serta ciri-ciri yang terdapat didalamnya meluaskan jurang pencapaian yang sebaliknya menyibarkan lagi perasaan kekeciwaan termasuk kekeciwaan seks.

Sebelum meninjau lebih jauh lagi kaitan antara urbanisasi dengan kejadian khalwat adalah lebih baik melihat ciri-ciri urbanisasi itu sendiri. Setelah memahami akan ciri-ciri urbanisasi ini akan mudah dikaitkan dengan kejadian khalwat itu sendiri.

Menurut Clinard "Urbanisasi adalah sati cara hidup".<sup>2</sup> Urbanisasi membawa perubahan-perubahan cara hidup satu-satu tempat dan kawasan. Ciri-ciri yang terdapat didalam urbanisasi adalah seperti berikut.

#### Konflik Norma dan Nilai

Ciri terpenting urbanisma ialah kepentingan dan latar-belakang ahli masyarakat yang berbeza sedangkan dalam masa yang sama dalam kontek yang rapat antara satu dengan lain. Dalam masyarakat bandar individu-individu selalu didalam keadaan kurang tahu dalam serba hal. Keadaan ini membuatkan mereka merasa sukar untuk mengatur tingkah laku didalam norma-norma yang berlainan.

Komuniti bandar mempunyai variasi dari segi umur, kaum, latar belakang, pekerjaan, kepentingan, sikap dan nilai. Yang jelas sekali ialah kehidupan mereka dari segi kekayaan, kebolehan dan struktur kelas setiap individu.<sup>3</sup> Dari corak penduduk yang 'heterogenous' ini membentuk norma-norma dan nilai-nilai yang berbeza, yang membentuk konflik peranan sosial (conflicting social role).

Sikap impersonaliti hidup bandar meninggikan lagi kebebasan individu terhadap pemilihan norma-norma hidup. Konflik norma, peranan dan tingkah-laku yang standard menimbulkan satu keadaan dimana tidak ada satu standard 'sanction' dikenakan terhadap sesuatu penyelewengan.<sup>4</sup>

- 
- 2) Marshall B.Clinard. "Urbanism as a way of life," Sociology of Deviant Behaviour. (1974) ms 48-57.
  - 3) Noel p.Gist dan Sylvia Fleis Fava. "Urban Society, 5th ed. (New York) 1964. ms 418-145.
  - 4) opcit ms 51.

Yang penting ialah mencari kekayaan dengan jalan apa sekalipun.

Moral bukan lagi ukuran bagi sesorang untuk menentukan kejayaannya. Jika ia mempunyai harta kekayaan ia lebih mudah dikenali dan disanjung. Nilai terhadap moral tidak berapa berkesan lagi pada zaman ini jika dibandingkan dengan nilai material dan ekonomi.

### Perubahan Sosial Yang Pesat

Kehidupan dibandar sendiri memudahkan perubahan norma dan ideologi, juga sistem tingkah-laku mengubah struktur sosial dari segi hubungan antara individu dengan individu yang lain.

Perubahan ini juga di sebabkan meningkatnya kegagalan kawalan 'informal' untuk menegakkan nilai dan ideologi tradisional.

Perubahan sosial yang pesat dibandar-bandar ini meyebabkan orang-orang yang berhijrah kebandar terpaksa menyesuaikan diri mereka dengan seberapa segera. Perubahan tingkah-laku serta ideologi mengubah cara pemikiran individu, cara hidup yang lama yang bercorak tradisional tidak lagi praktik dalam masyarakat bandar. Ini disebabkan corak masyarakat bandar yang kompleks, individualistik, materialistik dan kepentingan serta nilai yang berbeza dengan masyarakat simple khasnya yang masih lagi ber-corak tradisional.

Kawalan 'informal' yang tidak lagi berkesan dibandar-bandar menyebabkan individu-individu terpaksa mempunyai nilai yang tersendiri dalam mengawal tingkah-laku mereka. Yang tidak dapat mengawal dengan kekuatan rohaninya akan memudahkan berlakunya penyelewengan. Khalwat adalah salah satu daripada peyelewengan akibat daripada perubahan sosial yang pesat yang berlaku di-bandar-bandar.

Dari nilai-nilai yang berbezajini perlanggaran norma dalam satu-satu kaum tidak begitu ketara pada kaum yang lain. Khalwat bagi masyarakat Melayu yang mempunyai nilai ugama yang tinggi dianggap sebagai satu penyelewengan yang serius, terutamanya bagi masyarakat yang simple. Tetapi bagi masyarakat yang kompleks ianya tidak begitu terasa kepada mereka. Orang-orang Melayu yang berugama Islam dibandar-bandar mengambil kesempatan didalam keadaan yang begini.

Dibandar-bandar ditempat rekreasi dan hiburan berpegang-pegang tangan adalah satu perkara biasa. Begitu juga diwaktu malam bila pasangan-pasangan berkhalwat dan bercumbu-cumbu telah menjadi satu norma bagi masyarakat bandar. Orang-orang Islam mengambil kesempatan beginilah untuk berkhalwat walau pun menyedari yang ianya salah dari segi ugama.

Ugama merupakan nilai kepercayaan bagi setiap kaum. Begitu juga halnya dengan orang Melayu yang berugama Islam. Ramai dari mereka ini telah berubah nilai dan cara hidup akibat dari pengaruh dan cabaran hidup dibandar. Ugama Islam yang dipraktikkan oleh orang Melayu pada hari ini amat berbeza dengan ugama Islam yang sebenarnya. Orang yang mempunyai pengetahuan ugama yang tinggi tidak begitu disanjung, bahkan masyarakat lebih memuliakan orang yang kaya dan mempunyai status yang tinggi.

Masyarakat lebih mementingkan mencari kekayaan didunia daripada menjalankan amalan ugama. Dari itu nilai ugama kian merosot dan ianya tinggal sebagai lambang sahaja. Islam bagi orang Melayu pada hari ini cuma dari segi zahirnya sahaja, dari segi amalan tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya. Bilainilai terhadap ugama telah

merosot dan tidak adanya sanction dari masyarakat, orang-orang Islam boleh melakukan larangan-larangan ugama dengan sewenang-wenangnya. Masyarakat disekeliling tidak akan ambil peduli tentang apa yang berlaku sama ada baik atau pun buruk, wajib atau pun haram.

Masyarakat Melayu amnya lebih tertarik kepada hiburan dan rekreasi terutamanya pengaruh-pengaruh sekuralisma dari luar. Mereka rasakan apa yang dilakukan oleh orang lain mereka juga mempunyai hak dalam melakukannya. Khalwat bukan merupakan satu perkara yang anih bahkan ia kini merupakan satus 'subculture' didalam masyarakat bandar.

Masyarakat bandar pada hari ini terutamanya belia-belia dan muda-mudi adalah babas bergaul tanpa sekatan. Tingkah laku individu-individu adalah terpulang pada diri masing-masing. Orang Melayu pada hari ni juga tidak mahu ketinggalan dengan cara hidup yang 'sophisticated' dan bersama-sama mengejar kemajuan yang ditimba dari barat. Bersekedudukan atau 'trial marriage' merupakan satu cara hidup dan sebagai satu norma yang baru bagi masyarakat Melayu. Pasangan-pasangan adalah bebas melakukan sesuka hati mereka asalkan tidak mengganggu hak orang lain/.

Sekatan penghamilan dan pengguguran mudah dijalankan dimana-mana sahaja pada hari ini asalkan sahaja mampu membayainya. Dengan itu pasangan-pasangan tidak merasa takut atau was-was sekalipun untuk melakukan hubungan jenis. Dengan itu khalwat boleh dikatakan satu penyelewengan yang kecil sahaja dan tidak serius sama sekali. Tambahan masyarakat moden pada hari ini mengiktiraf

perlunya perkenalan antara lelaki dan perempuan sebelum melangsungkan perkahwinan. Dengan itu pandangan pasangan muda-mudi berdua-duaan (courtship) merupakan satu norma dalam masyarakat bandar. Pasangan-pasangan merasakan adalah perlu bagi mereka bercinta-cinta dan berkenalan dengan lebih rapat antara satu dengan lain. Tujuannya ialah untuk memastikan sama ada kedua-dua mereka dapat menyesuaikan dan bersefahaman antara satu dengan lain. Disamping itu terdapat juga pasangan-pasangan mengambil kesempatan berkhalwat sebagai satu jalan keluar untuk mencari ketenangan jiwa, kepuasan seks, dan juga sebagai hiburan zahir dan bathin. Kesimpulannya khalwat ini dapat diterima dalam norma-norma masyarakat moden yang mempunyai nilai-nilai yang kompleks. Wujudnya norma-norma yang kompleks ini membentuk kepada perubahan nilai dalam masyarakat.

Didalam masyarakat tradisi yang bercorak 'organic solidarity' nilai ugama adalah aspek yang terpenting daripada aspek-aspek yang lain. Keteguhan ugama merupakan lambang ketinggian moral sesaorang individu. Masyarakat memandang serius kepada golongan yang berkhalwat. Untuk menutup malu pasangan-pasangan tersebut ada yang dipaksa berkahwin. Sanction yang begini menjadikan ahli-ahli masyarakat takut untuk melanggar norma-norma yang terdapat didalam masyarakat mereka.

Didalam masyarakat yang kompleks yang bercorak 'mechanical solidarity' nilai ugama tidak begitu penting seperti masyarakat simple. Setiap individu dibandar lebih mementingkan keteguhan ekonomi untuk menjamin kehidupan yang lebih stabil. Ikatan terhadap ugama tidak akan dapat meninggikan taraf ekonomi sesaorang itu.

Ideologi yang berbeza serta norma yang kompleks memberi peluang berlakunya khalwat; kerana tidak adanya sanction dari masyarakat. Masyarakat tidak akan memulaukan mereka atau pun 'gossip' tentang mereka ini kerana khalwat merupakan satu subculture yang dapat diterima oleh masyarakat. Contohnya kalau-lah pasangan yang melakukan khalwat mempunyai jiran yang tinggal berhampiran dengan tempat tinggal mereka, jiran ini akan bersikap tidak ambil peduli dan menutup sebelah mata. Konsep mereka tidak mahu menjaga tepi kain orang, apa yang berlaku dihadapan mata mereka adalah hal orang lain dan tidak kena mengena dengan diri mereka. Sikap individualisma inilah yang menggalakkan berlakunya penyelewengan seperti khalwat tadi. Tambahan pula jika jiran yang disebutkan tadi dari bangsa dan ugama lain akan membuatkan pasangan yang berkhawat tadi tidak merasa was-was langsung. Sebabnya kepentingan dan nilai mereka adalah berbeza.

### Mobiliti

Pengangkutan moden menyebabkan manusia dapat bergerak dengan lebih cepat lagi dari satu tempat kesatu tempat yang lain. Mobiliti secara ini juga membolehkan manusia berhubung lebih kerap antara satu dengan lain, dan peluang untuk berjumpa dengan orang asing adalah terbuka.<sup>5</sup>

Pada abad yang lalu seorang manusia mungkin seumur hidup tidak pernah keluar dari kampung halamannya dan mungkin tidak pernah langsung melihat orang asing(strangers). Tetapi dengan kemudahan mobiliti yang terdapat pada hari ini segala-galanya dapat berlaku dengan cepat.

Sungguh pun mobiliti menyebabkan perhubungan yang pesat disamping itu ia juga membawa kesan-kesan yang kurang baik:

1) Melemahkan perhubungan dengan komuniti setempat lebih-lebih lagi perhubungan persemukaan.

2) Menjadikan individu-individu kurang berminat dalam membentuk satu komuniti yang standard.

3) Menambahkan lagi hubungan dengan kelompok 'secondary' yang coraknya berlainan dan 'heterogenous'. Dari itu ia melemahkan lagi hubungan dan kawalan sosial dengan ahli kelompok setempat (local primary group).<sup>6</sup>

Dengan kemudahan dan keburukan mobiliti yang memberikan kesan yang negatif dapat kita kaitkan bagaimana ia dapat menggagalkan khalwat berlaku. Ditinjau dari kemudahan-kemudahan mobiliti tadi kita dapati individu-individu mudah bertemu dengan sesiapa sahaja yang dihajati asalkan mempunyai kemampuan. Bila mobiliti dapat mengurangkan hubungan yang rapat dengan kelompok asalnya (primary group) individu merasakan dirinya bebas dari kawalan dan tekanan. Satu komuniti yang standard baginya tidak wujud, dari itu apa yang berlaku pada dirinya tidak akan disedari oleh 'local primary group'nya.

Mobiliti juga memberi peluang kepada individu-individu mengenal norma-norma dan perlakuan yang berbeza. Contohnya seorang gadis yang berasal dari luar-bandar yang berhijrah kebandar terpaksa mengalami norma-norma sosial yang baru. Ditempat yang

6) Clinard. ibid ms 53.

baru ia merasakan hilangnya hubungan yang personal, hubungan kekeluargaan, jiran tetangga dan kawan rapat. Disamping itu ia juga merasakan norma-norma dan nilai-nilai yang ada ditempat asalnya tidak praktik lagi dibandar. Dari itu ia terpaksa mendapatkan teman-teman yang baru untuk menyesuaikan dirinya dan mengubah kepada norma-norma yang baru dari norma-norma yang lama. Dengan itu juga ia dapat mengubah peranan sosialnya. Disini gadis yang dimaksudkan tadi amat mudah terpengaruh dengan cara penghidupan dibandar yang moden. Anasir-anasir yang baru dipelajarinya termasuklah penyelewengan, antaranya termasuklah khawat sekiranya gadis tersebut tidak mempunyai persediaan yang mencukupi.

#### Matearialisma

Pemilikan kebendaan sebagai satu kepentingan utama bagi masyarakat bandar. Seseorang individu itu lebih dikenali tentang apa yang dimilikinya lebih daripada tuan miliknya. Masyarakat menilai seseorang itu dengan kekayaan yang dipamerkan ia itu barang-barang mewah seperti kenderaan, pakaian, jenis rumah, perkakas rumah, gaji dan harta yang dimiliki oleh seseorang itu. Masyarakat lebih menekankan kepada simbul status dan kedudukan ekonomi seseorang individu itu.

Nilai materialisma menjadi semakin penting didalam kehidupan bandar. Segala-galanya dinilaikan dengan wang. Dari itu setiap penduduk bandar cuba sedaya upaya untuk meneguhkan kedudukan ekonomi mereka. Yang miskin mahu menjadi kaya, dan yang kaya pula mahu bertambah kaya dan cuba mempertahankan kedudukan mereka.

Cara mencapai kedudukan sosial juga berbeza dibandar-bandar. Sekiranya peluang mencapainya dengan jalan yang sah tertutup, jalan-jalan yang tidak sah akan digunakan untuk mencapai matlamat kedudukan sosial. Yang pentingnya ialah wang dan material. Jika kesempatan terbuka ianya akan digunakan dengan sepenuhnya. Walau pun caranya kadang-kadang bertentangan dengan undang-undang dan nilai ugama. Berbagai jenis penyelewengan disebabkan oleh wang. Keruntuhan moral juga disebabkan oleh wang, begitu juga jenayah yang berpunca dari wang juga. Sebab itulah didalam peribahasa Inggeris disebutkan "Money is the root of evils".

Dalam kaitannya dengan khalwat kita cuba melihat bagaimana nilai materialisme memainkan peranannya. Seorang lelaki yang mahu mendapatkan tarikan daripada perempuan akan cuba menggunakan kuasa materialnya. Gadis-gadis bandar yang moden, lebih mudah mendampingi lelaki yang mempunyai kedudukan ekonomi yang baik dan status sosial yang tinggi. Sigadis mungkin tidak akan keberatan setakat menemani lelaki tersebut kerana ini akan memberi kesempatan menikmati kemewahan si lelaki itu. Sekiranya si lelaki berkereta akan memudahkan sigadis itu bersiar-siar dengan lelaki tersebut, makan di restoran yang baik, menginap di hotel yang mahal dan mungkin juga akan diberi saguhati berupa wang. Gadis yang termakan budi tidak merasa keberatan memenuhi kehendak si lelaki pula. Cara beginilah yang menyebabkan peluang berlakunya khalwat. Wang sebagai penarik untuk memikat wanita, dan lelaki mengharapkan balasan dalam bentuk 'reward' dengan mengikut kehendak

mereka.

Begitu juga dengan kelas bawahan. Contohnya seorang lelaki berjumpa dengan seorang perempuan di tempat hiburan, di taman bunga, di tempat rekreasi atau di mana-mana sahaja secara 'accident' dan pengenalan itu membawa kepada keserasaan. Lelaki itu akan cuba berbudi dengan mengajak menonton wayang, pergi makan dan bersiar-siar, seterusnya mungkin juga berkhalwat. Perkara begini mungkin juga mengambil masa yang singkat atau melalui beberapa pertemuan (date). Jika peluang berkhalwat telah dialami buat beberapa kali silelaki mungkin juga mengharapkan peluang yang lebih dari itu, contohnya berhubung jenis. Ia mengharapkan balasan (reward) dengan apa yang telah dibayarkan dengan wang ringgit. Dari sinilah yang menggalakkan berlakunya zina atau rogol. Rogol akan berlaku bila silelaki dapati peluang baginya terbuka sedangkan sigadis belum merelakan dirinya lagi. Disini silelaki akan hilang kesabaran dan nafsu lebih kuat dari iman. Sekiranya sigadis merelai zina boleh berlaku dimana saja asalkan selamat dari masyarakat dan undang-undang. Tanya boleh di rumah, di hotel dan dalam semak pun jadi. Kesimpulannya ialah seks didorongkan oleh kuasa wang.

Kepuasan seks dalam masyarakat urban melihatkan bayaran, baik dari segi pelacuran dan keliaran seks (sexual promiscuity) termasuk khalwat. Bagi pelacuran bayaran dimestikan kerana kepuasan seks. Dalam hubungan khalwat pula bayaran mungkin secara belanja makan, menonton wayang, beli pakaian dan lain-lain. Cuma kedua-dua bentuk penyelewengan yang disebutkan melibatkan emosi yang berbeza.

Bagi gadis-gadis yang berasal dari luarbandar yang kehi-

dungan terdesak ramai yang telah berhijrah kebandar. Penghijrahan ini disebabkan faktur menarik dibandar, untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan juga kemudahan-kemudahan yang terdapat dibandar seperti pusat membeli-belah, tempat-tempat rekreasi dan hiburan. Kebanyakannya tujuan mereka datang kebandar ialah untuk mencari pekerjaan, dan meninggikan status sosial mereka dari keadaan sebelum berhijrah kebandar. Dibandar mereka juga berhak mengumpul kekayaan. Akibat dari inilah ada diantara mereka yang mencari kekayaan dengan secepat mungkin. Maka wujudlah pergaulan bebas dengan tiada 'commitment'. Adalah merupakan satu perkara biasa bila sigadis bertukar-tukar pasangan semata-mata kerana kepentingan kedudukan sosialnya.

Keadaan yang memaksa serta kesempatan yang ada memberarkan tingkah laku yang menyeleweng berlaku.

### Individualisma

Anggota masyarakat bandar merasakan mereka perlu menjaga kepentingan diri sendiri dari orang lain. Dari itu mereka cuba meninggikan status mereka dari usaha mereka sendiri. Kegembiraan personal adalah matlamat hidup mereka. Setiap individu merasakan ia perlu bersaing dengan ahli-ahli lain dalam masyarakatnya. Dengan itu kadar persaingan semakin ~~semakin~~ bertambah bila sikap individualistik ini dirasakan amat penting oleh ahli-ahli dalam masyarakat bandar.<sup>7</sup> Individualisma dan persaingan yang ekstrim melibatkan penyelewengan dan masaalah sosial yang lebih serius.

---

7) Clinard. op ibid 54.

Sikap 'sophisticated' pada diri individu-individu yang mendiami bandar-bandar besar membuatkan mereka menjaga 'privacy' mereka daripada dicerobohi oleh orang lain. Tingkah laku dan status sesorang itu ditentukan oleh orang lain melalui 'self-preservation' sesorang itu.

Dalam masyarakat secondary 'mechanical solidarity' meyebabkan hilangnya perasaan 'kekitaan (we feeling). Bila wujudnya sikap yang demikian bermakna masyarakat tidak akan ambil peduli apa yang dilakukan oleh orang lain, itu merupakan 'private-life' dan kebebasan bagi tiap-tiap individu. Sikap yang beginilah yang membuka peluang terhadap penyelewengan didalam masyarakat. Didalam satu komuniti ahli-ahlinya tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku disekeliling mereka. Jika mereka tahu pun mereka tidak akan ambil peduli.

Sikap individualisma ini secara tidak langsung melonggarkan kawalan sosial dalam masyarakat. Khalwat yang berlaku juga disebabkan oleh kawalan yang longgar serta masyarakat sekeliling yang individualistik. Dalam masyarakat bandar sekiranya ada orang yang tahu adanya pasangan yang berkhawat atau pun bersekedudukan tidak ada apa-apa tindakan yang akan diambil. Mengambil tahu hal hal orang lain tidak akan memberi faedah dan mungkin juga membahayakan diri orang yang suka menjaga tepi kain orang lain. Individu bertindak dengan apa yang difikirkan berfaedah bagi dirinya sendiri.

Bagi masyarakat luar-bandar pula mempunyai hubungan yang rapat iaitu 'organic solidarity', sekiranya ada orang yang tahu atau nampak sesuatu kejadian sumbang seperti khalwat contohnya,

ia akan megambil tindakan yang tertentu. Selalunya kejadian yang begini dilapurkan kepada ketua kampung, imam, bilal atau mana-mana orang tua kampung yang dihormati. Pasangan-pasangan yang sedang berkhawat akan diserbu dan ditangkap, mereka mungkin diserahkan kepada pihak polis atau dikemakan 'sanction' mengikut keadaan tempat. Ada juga pasangan-pasangan yang dipaksa berkahwin, dipukul, dipulaukan atau dihalau keluar dari kampong tersebut. Kejadian seperti ini dianggap memalukan nama keluarga dan juga nama baik sesabuah kampung.

Dibandar-bandar untuk mendapatkan pertolongan orang lain secara sukarela adalah amat sukar. 'Service' dalam masyarakat bandar memerlukan bayaran. Nilai material dan sikap individualistik ini berkait rapat antara satu dengan lain.

Secara ringkas dapatlah dibuat kesimpulan sikap individualisme itu mengakibatkan kelonggaran dalam kawalan sosial, dan dengan itu menjadikan khawat sebagai satu 'subculture'.

#### Kawalan Secara Formal

Didalam masyarakat simple 'conformity' terhadap norma sosial adalah amat berkesan melalui kawalan secara informal. Mereka-mereka yang melanggar norma-norma sosial dikenakan sanctioan oleh komuniti mereka. Dibandar-bandar pula tidak wujud kawalan secara informal, dan masyarakat tidak mudah 'conform' dengan norma-norma sosial mereka. Yang wujud ialah kawalan secara formal contohnya undang-undang.

Ahli-ahli dari komuniti masyarakat simple takut untuk melakukan khawat lebih-lebih lagi jika ditempat sendiri. Sebab

itu dikatakan mereka mudah 'conform' kepada norma sosial dan kesan daripada sanctionnya. Kawalan secara informal dan sikap kekitaan membuatkan ahli-ahli komuniti bertanggung-jawab menjaga nama baik masyarakat. Tambahan pula fungsi ugama memainkan peranan penting didalam masyarakat 'primary' yang begini.

Bagi masyarakat bandar kawalan terhadap perlanggaran norma-norma terpaksa dikawal oleh institusi yang khas untuk kesan yang benar-benar efektif. Konflik norma yang terdapat dibandar-bandar melemahkan kuasa ibu-bapa serta kawalan secara tradisi. Ibu-bapa dibandar jarang-jarang mempunyai masa yang lapang dengan anak-anak. Kerenggangan hubungan ibu-bapa dengan anak-anak menyebabkan anak-anak bebas melakukan apa sahaja yang mereka suka dan mungkin tanpa pengetahuan ibu-bapa.

Tanggungjawab dan kawalan terhadap tingkah-laku masyarakat dibandar diserahkan kepada institusi tertentu seperti polis, mahkamah dan agensi-agensi kerajaan seperti sekolah-sekolah dan pusat-pusat pemulihan. Kanak-kanak diberikan pendidikan di sekolah-sekolah kerana ia merupakan sumber sosialisasi kepada mereka. Di peringkat sekolah ini mereka belajar tatasusila dan nilai moral walaupun secara tidak langsung.

Institusi undang-undang merupakan satu sistem kawalan yang mengawal tingkah laku yang menyeleweng dan juga perlanggaran norma-norma. Khalwat juga dikawal oleh undang-undang, sekiranya ada pasangan yang ditangkap berkhawlwat oleh polis atau pun Penyiasat Hal-Ehwat Ugama, mereka akan didakwa dan dikenakan sanction oleh undang-undang. Jadi yang mereka takutkan ialah pengawal kuasa dan undang-undang.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan dapatlah kita membuat kesimpulan ciri yang terdapat didalam urbanisasi ini berkait rapat antara satu dengan yang lain. Ciri-ciri konflik norma dan nilai, perubahan sosial yang pesat, mobiliti, materialisma, individualisma, dan kawalan secara formal merupakan 'correlate' kepada berlakunya khalwat. Ciri-ciri inilah juga yang menggalakkan meningkatnya kejadian khalwat dibandar-bandar pada hari ini, terutamanya bandar-bandar besar dimana urbanisasi berkembang dengan pesat.

Perlu juga diingat urbanisasi ialah faktur luaran sahaja, ia lebih merupakan masaalah 'secondary'. Yang pentingnya ialah faktur dalaman yang lebih merupakan masaalah primary. Masaalah kawalan rohani dan kemerosotan nilai ugama adalah faktur yang paling penting. Masaalah inilah yang harus diselesaikan terlebih dahulu. Masaalah yang wujud akibat urbanisasi sukar untuk dihapuskan, dan berkait pula dengan masaalah dalaman tadi. Menghapuskan urbanisasi bermakna menghentikan pembangunan dan kemajuan. Keadaan begini tidak mungkin dapat dilakukan.

Dari itu masaalah rohani merupakan asas yang terpenting dan berkait rapat dengan nilai dan amalan-amalan ugama. Soal ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam lagi mengenai soal khalwat dan kaitannya dengan ugama, dan juga cara mengatasinya dari skop ugama dibab yang akhir nanti.

Kajian yang dijalankan pada kes-kes yang  
BAB KETIGA  
KEJADIAN KHALWAT DI BANDARAYA PULAU PINANG DAN PERBANDINGANNYA  
DENGAN DI BANDAR BUKIT MERTAJAM.

Pendahuluan

Dari kes-kes khalwat yang dikaji dari Pejabat Khadi Mahkamah Syariah Bandaraya Pulau Pinang, didapati kes-kes yang ada cuma untuk 4 tahun sahaja iaitu dari 1974 hingga 1977. Dari kes-kes ini, pada tahun 1974 hanya terdapat 4 kes sahaja, tahun 1975 - 13 kes, tahun 1976 - 32 kes dan 1977 - 4 kes sahaja (sehingga April 1977).

Bagi tahun 1974 kajian tidak akan dapat ditumpukan kerana terlalu kurang kes-kesnya, mungkin pada tahun itu tidak dijalankan kuasa dengan sepenuhnya serta pengawasan dari pihak-pihak yang berkenaan. Lagi pun keterangan-keterangan untuk tahun itu tidak lengkap. Dari itu kes-kes untuk tahun 1974 akan ditinggalkan. Begitu juga bagi tahun 1977 akan ditinggalkan kerana kajian ini dijalankan pada bulan April dan ketika itu hanya terdapat 4 kes sahaja.

Dengan itu kejadian khalwat yang akan dikaji ditumpukan khas pada tahun 1975 dan 1976 sahaja. Pada awalnya kajian ini dicadangkan untuk melihat kadar perkembangan khalwat di Pulau Pinang sejak tahun 1970 lagi, disebabkan kes-kes sejak tahun itu tidak ada kajian yang bercorak demikian tidak dapat dijalankan. Kajian ini dianggarkan tidak berapa lengkap, namun demikian dari kes-kes 1975 dan 1976 akan dapat memberi gambaran serba ringkas tentang kejadian khalwat di Pulau Pinang.

Kajian yang dijalankan cuma berdasarkan pada kes-kes yang terdapat di Pejabat Kadhi Bandaraya sahaja, iaitu dari tangkapan-tangkapan yang telah dilakukan. Dengan ini kajian yang dijalankan tidak dapat memperlihatkan kejadian khalwat yang luar daripada kes-kes yang terdapat di pejabat kadhi ini. Memang tidak dapat dinafikan khalwat tidak hanya berlaku pada kes-kes yang terdapat di pejabat kadhi ini sahaja, kerana untuk menangkap semua pasangan-pasangan Islam yang berkhawat di Pulau Pinang adalah diluar kemampuan pihak yang berkenaan. Khalwat berlaku di mana-mana sahaja, ianya mempunyai 'low-visibility' dengan sebab itu ia sukar dikesan. Mereka-mereka yang melakukan khalwat berusaha melakukannya di tempat-tempat yang dirasakan selamat dari pihak yang berkuasa dan orang ramai.

Pasangan-pasangan yang ditangkap adalah dari tempat-tempat yang terbuka dan 'high-visibility'nya. Bagi pasangan-pasangan yang berkhawat di tempat yang lebih selamat dijangkakan lebih ramai dari pasangan-pasangan yang melakukannya di tempat-tempat yang terbuka, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan yang ditangkap.

Boleh dikatakan hampir semua pasangan-pasangan yang ditangkap adalah dilakukan oleh pihak polis. Polis mempunyai kuasa menangkap pasangan-pasangan Islam yang berkhawat. Mungkin perkara ini tidak disedari oleh mereka yang berkhawat dan jahil pula tentang Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam. Dari itu khalwat mungkin tidak dipandang begitu serius di Pulau Pinang.

Perkara ini dipandang ringan oleh pihak yang berkhawat ini kerana di Pulau Pinang masih belum ada Pegawai Pencegah Maksiat atau lebih dikenali dengan Pemeriksa Hal-Ehwal Ugama Islam seperti yang

terdapat di Wilayah Persekutuan dan beberapa buah negeri lain di Malaysia Barat. Mungkin sebab inilah mereka rasakan pihak polis tidak ada kuasa untuk menangkap mereka yang berkhawat. Menurut bualcara dengan dengan OCPD Balai Polis Beach Street dan beberapa orang anggota polis ada pasangan-pasangan yang sedang berpeluk-peluk tidak menghiraukan langsung sekiranya mereka ternampak mana-mana anggota polis yang sedang bertugas. Mereka tidak mempedulikan anggota-anggota polis tadi atau pun meninggalkan tempat mereka. Mereka rasakan tidak menyalahi dari segi undang-undang meyebabkan mereka ditangkap. Mereka mengetahui tentang hal ini sehingga mereka ditangkap dan dibawa ke balai polis untuk ditahan.

Menurut OCPD Balai Polis Beach Street lagi, anggota-anggota polis yang menangkap pasangan-pasangan yang berkhawat bukanlah bertujuan untuk mencari orang-orang yang sedang berkhawat. Tangkapan yang berlaku adalah secara terserempak (coincident) kerana bertemu dengan mereka-mereka yang sedang berkhawat ini. Contohnya tujuan anggota-anggota polis meronda ditempat rekreasi Padang Kota ialah untuk menjaga keselamatan awam ditempat itu. Ini disebabkan ditempat tersebut selalu terjadi peras ugut, seluk saku, salah guna dadah dan lain-lain jenayah lagi.

Bagi pihak polis tugas menjaga keselamatan awam adalah lebih penting, dan mereka tertakluk kepada undang-undang awam ianya lebih bercorak umum dan tumpuan kepada seluruh masyarakat. Tangkapan-tangkapan mereka akan diserah kepada Mahkamah Awam, kecuali kes khalwat dan yang bersangkutan dengan ugama yang diserah kepada Mahkamah Syariah. Dari itu kita sedari polis-polis ini bukanlah bertujuan mencari mereka yang berkhawat, tetapi sekiranya terjumpa dengan mereka adalah ter-

pulang pada budi bicara polis-polis ini untuk menangkap mereka atau tidak. Anggota-anggota polis ini juga merasakan tangkapan harus dilakukan kerana tanggongjawab mereka sebagai orang Islam, ini memandangkan aduan-aduan yang dilakukan adalah terdiri dari anggota polis yang berugama Islam.

#### Kes-kes yang dibicarakan

Dalam tahun 1975 pasangan-pasangan yang telah dibicarakan dibawah undang-undang khalwat seramai 13 pasangan. Pada tahun 1976 seramai 32 pasangan. Ini menunjukkan jumlah yang dibicarakan kerana kes-kes berkhawat telah bertambah seramai 19 pasangan atau pun sebanyak 40.6 peratus. Dari data-data lengkap yang dapat dikutip meliputi dari segi masa, tempat, umur, asal tempat, denda dan bangsa.

Data-data yang akan diberikan nanti tidaklah begitu lengkap kerana disana sini terdapat kekurangan dari segi fakta-fakta yang disebutkan diatas. Dari itu angka-angka peratus yang akan digunakan adalah berdasarkan dari jumlah unit-unit yang ada. Contohnya untuk melihat umur dari 20 sample cuma sahaja yang diketahui umurnya, yang 5 lagi tidak diketahui. Dari itu jumlah peratus umur akan dikira dari 15 sahaja tetapi tidak dari 20.

Keadaan seperti yang disebutkan tidak dapat dielakkan kerana kajian ini cuma berdasar dari keterangan-keterangan yang ada dimahkamah syariah sahaja. Kadang-kadang data-data seperti tempat asal, umur dan pekerjaan tidak dipentingkan oleh pihak mahkamah. Yang mustahaknya ialah kejadian khalwat itu sendiri seperti perlakuan, keadaan tempat dan masa mengikut yang tercatit didalam undang-undang khalwat sendiri.

Butir-butir mengenai pekerjaan pelaku, dan latar belakang tidak dicatatkan didalam borang tuduhan (charge sheet) kerana tidak mempunyai kaitan langsung dengan mahkamah. Kalau ada pun butir-butir mengenai pekerjaan adalah tidak mencukupi dan tidak dapat mewalili yang lain untuk dianggap sebagai purata.

Butir-butir yang agak lengkap pun adalah berdasarkan dari salinan repot polis yang dilapurkan oleh orang yang mengadu atau anggota polis yang menangkap. Salinan repot polis ini adalah lebih lengkap daripada borang tuduhan dimahkamah. Yang terdapat dalam borang tuduhan hanya: nama, alamat, masa berlaku, tempat kejadian, kesalahan dan hukuman. Data-data ini adalah tidak mencukupi untuk menganalisa kejadian dengan lebih berkesan. Dari itu keterangan yang lengkap adalah didapati dari repot polis, sekiranya salinan repot polis ini tidak ada keterangan dari borang tuduhan mahkamah akan tetap digunakan juga.

#### TEMPAT (Ecological Situation)

Tempat-tempat yang mudah dikesan berlakunya khalwat, ialah ditempat-tempat yang terbuka dan mempunyai 'high visibility'nya. Tempat yang begini selalunya terbuka pada pandangan masyarakat, tempat-tempatnya ialah tempat istirehat awam, tempat rekreasi awam, tempat hiburan dan tempat-tempat yang sunyi yang memberikan 'privacy' dan mudah berpasangan. Tempat rekreasi yang paling popular di Pulau Pinang ialah Padang Kota dan Botanical Garden. Tempat-tempat begini selalu dilawati oleh golongan-golongan kelas rendah dan menengah.

Jadual 1. Tempat Berkhalwat Di Pulau Pinang berdasarkan  
dari Mahkamah Syariah Pulau Pinang \*

TEMPAT	1975	1976
Tempat rekreasi:		
1) Padang Kota	12	26
2) Botanical Garden	-	2
Hotel	1	-
Lain-lain tempat	-	4
JUMLAH	13	32

Angka-angka menunjukkan pasangan.

Dari data diatas jelaslah tangkapan-tangkapan yang dilakukan keatas pasangan yang berkhawat ialah ditempat rekreasi awam terutamanya Padang Kota. Padang Kota memang popular di Pulau Pinang, bahkan bagi pelancong-pelancong tempatan tempat ini agak terkenal. Padang Kota juga dikenali dengan nama "Fort Cornwallis", kerana ia merupakan tembok kota yang dibina pada zaman penjajah untuk mengelak serangan musuh.

Kedudukan tembok Fort Cornwallis ini memang sesuai dan 'strategic' sekali bagi pasangan-pasangan untuk berkhawat. Tempat yang paling disukai sekali ialah diatas tembok, yang mempunyai tempat-tempat yang tersembunyi tembok-tebok bekas tempat meriam zaman penjajahan dahulu.

Tempat-tempat lain yang berhampiran dengan Fort Cornwallis

ini ialah dibawah pokok-pokok besar yang rendang ditepi tembok kota tersebut. Dibawah pokok-pokok ini disediakan bangku-bangku tempat duduk. Keadaan Fort Cornwallis dan kawasan sekelilingnya diwaktu malam agak gelap. Sesaorang yang berdiri lebih kurang 50 meter jauhnya dari tempat-tempat ini tidak akan <sup>nampak</sup> orang-orang yang berada di tempat-tempat itu. Tambahan pula bagi orang-orang yang belum biasa akan merasa was-was dan takut untuk naik keatas tembok kota itu jika berseorangan. Tempat-tempat ini sengaja dibiarkan gelap pada waktu malam oleh pihak yang berkenaan, melainkan tempat yang agak jauh sedikit dari tempat itu seperti ditepi laut dan ditempat makanan awam. Tempat-tempat ini disediakan dengan lampu-lampu yang terang benderang dan tempat-tempat duduk.

Padang Kota ini dari waktu petang hingga kelewat malam sering dikunjungi oleh orang-orang yang mahu beristirehat. Kebanyakannya dari mereka ini terdiri golongan bawahan dan juga terdapat dari kelas-kelas menengah. Tempat ini dirasakan amat sesuai bagi golongan bawahan kerana ia merupakan tempat yang murah untuk berihat ~~sambil~~ sambil merasa tiupan angin laut dan menjamu selera di medan makanan yang disediakan di tempat itu. Disamping itu juga muda mudi mengambil kesempatan untuk berkenalan dan bermesra-mesra. Bagi yang kurang malu tempat yang begini amat mudah untuk mencari kenalan baru, baik untuk sementara maupun untuk selama-lamanya.

Botanical Garden atau lebih dikenali dengan 'Waterfall' adalah merupakan tempat rekreasi awam juga. Jauhnya tempat ini lebih kurang 5 batu dari bandaraya Pulau Pinang. Ianya cuma dilawati

disiang hari sahaja dari pagi hingga kepetang. Selaunya tempat ini gemar dikunjungi pada hari-hari minggu dan hari kelepasan awam. Tempat ini ialah kawasan tumbuhan-tumbuhan hutan yang dijaga dengan rapi. Kalau ada pun khalwat berlaku ditempat ini hanya pada siang hari sahaja dan tidak diwaktu malam, itu pun setakat ini belum ada lagi pasangan-pasangan yang ditangkap disiang hari di Botanical Garden ini. Tempat ini tidak dikunjungi diwaktu malam kerana keadaannya sangat gelap dan menakutkan dan ianya adalah hutan. Lagi pun tempat ini jauh dari tempat awam yang lain dan tidak ada pengangkutan pada waktu malam, khasnya perkhidmatan bas.

Didalam data yang diberikan terdapat 2 kes yang istimewa. Pasangan-pasangan ini ditangkap ketika sedang berkhawat pada jam 3.40 pagi. Mereka ditangkap oleh polis yang sedang meronda ditempat itu. Kedua-dua gadis yang ditangkap adalah pekerja-pekerja dari sebuah kilang yang sama. Pasangan lelaki kedua-dua gadis tadi berbangsa Tamil, mereka tidak dikenali tuduhan sebab berugama bukan Islam.<sup>1</sup>

Selain dari tempat-tempat yang telah disebutkan terdapat satu lagi tempat rekreasi yang gemar dikunjungi oleh mereka-mereka yang berkhawat. Tempat yang dimaksudkan ialah Taman Bukit Dumbar atau dikenali juga dengan nama Air Itam Dam. Ia merupakan taman bunga yang terletak diatas bukit dan mengadap kelaut. Taman ini terletak didalam kawasan bandar Jelutong dan jauhnya lebih kurang  $3\frac{1}{2}$  batu dari bandar Pulau Pinang.

1) kes, 1.9.76 , seksyen 149 (2), Mahkamah Syariah, Pulau Pinang.

Taman Bukit Dumbar ini gemar dikunjungi diwaktu petang, diwaktu petang pula kerap kelihatan pasangan-pasangan berdua-duan hingga kelarut malam. Tempat ini dikunjungi oleh semua kaum, tidak seperti di Padang kota yang ramai dengan orang-orang Melayu. Taman Bukit Dumbar ini pada sebelah malam lebih sunyi dari keadaan yang terdapat di Padang Kota. Ditempat ini pasangan-pasangan bukan setakat melakukan khalwat sahaja bahkan terdapat pasangan-pasangan yang melakukan perhubungan jenis. Didalam kes persetubuhan haram yang terdapt di Mahkamah Syariah didapati 3 kes yang berlaku antara jam 9.00 hingga 10.00 malam. Mereka melakukan hubungan jenis ini dibawah pokok-pokok dan tempat-tempat yang tersembunyi. Pasangan-pasangan tersebut terdiri dari orang-orang Melayu dan berugama Islam. Mereka ditangkap oleh anggota polis yang sedang meronda.<sup>2</sup>

Selain dari tempat rekreasi, taman bunga yang disebutkan ada juga tempat-tempat lain yang dikunjungi oleh pasangan-pasangan untuk berkhalwat. Tempat-tempat yang dimaksudkan ialah ditepi-tepi pantai seperti Batu Feringgi, Telok Bahang, Teluk Moonlight dan Gurney Drive. Tempat-tempat begini selalunya dikunjung diwaktu siang, namun khalwat tetap berlaku ditempat-tempat yang begini tetapi mereka ini tidak dikesan, mungkin khalwat disiang hari ditempat-tempat yang begini tidak dianggap serius. Tempat-tempat lain yang masih berlaku khalwatndisiang hari ialah di Bukit Bendera dan juga di Taman Belia. Tempat-tempat ini tidak dikesan sama lah sebabnya seperti khalwat ditepi-tepi pantai tadi.

2) Kes 15 & 16, 17& 18, 19 & 20 / 1976. Seksyen 150 (3) Khadi Besar, Mahkamah Syariah Pulau Pinang.

Didalam kes-kes yang dikaji terdapat juga pasangan-pasangan yang berkhawat dicelah-celah bangunan seperti dalam kawasan geraja, dan dikaki lima bangunan Dewan Undangan Negeri.<sup>3</sup> Secara umum kita dapat melihat tempat-tempat yang sering berlaku khawat di Pulau Pinang ialah tempat-tempat rekreasi, taman-taman dan lebih tepat lagi ditempat-tempat yang sunyi dan gelap diwaktu malam yang dapat memberi 'privacy' kepada mereka-mereka yang berkhawat.

Laporan dari orang ramai sangat sedikit sekali, begitu juga tangkapan dihotel cuma 1 sahaja dalam masa dua tahun. Ini mungkin disebabkan kurangnya kerjasama dari orang ramai yang mahu membuat laporan, dan cuma polis sahaja yang membuat tangkapan.

Kes-kes khawat yang belaku di Pulau Pinang amat berbeza sekali dari yang berlaku di Bukit Mertajam. Dalam tahun 1975 dan 1976 di Bukit Mertajam terdapat 29 kes.<sup>4</sup> Pasangan-pasangan yang ditangkap di hotel sahaja seramai 25 pasangan dan yang ditangkap dirumah melalui aduan-aduan dari orang ramai cuma 4 sahaja. Ini menunjukkan tangkapan-tangkapan yang dilakukan banyak dijalankan di hotel-hotel iaitu sebanyak 86.2 peratus, berbanding dengan tangkapan yang dilakukan di Pulau Pinang ditempat-tempat awam iaitu sebanyak 88.8 peratus.

Keadaan yang berbeza ini berlaku disebabkan di Bukit Mertajam sering dilakukan penyertuan di hotel-hotel. Serbuan-serbuan ke hotel-hotel ini dipanggil "Operasi Mencegah Pelacuran". Operasi ini dijalankan oleh pihak polis Bukit Mertajam. Mereka-mereka yang didapati berkhawat didalam bilik-bilik hotel yang berugama Islam diserahkan kepada mahkamah Syariah untuk dibicarakan.

3) Kes-kes 28.6.76, 10.10.76, Seksyen 149 (1/2).

4) Fail-fail perbicaraan, Mahkamah Syariah Bukit Mertajam.

Di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam kebanyakkan yang di dakwa ialah perempuan-perempuan dan pasangan mereka yang bukan berugama Islam agak ramai juga, tetapi yang bukan Islam ini di lepaskan. Perempuan-perempuan yang ditangkap ini dipercayai pelacur-pelacur kerana ke banyakkan dari mereka bukan orang-orang tempatan. Tambahan pula ada diantara mereka ini pernah didakwa bagi kali pertama dan kedua kerana kesalahan yang sama. Terdapat 4 kes yang demikian.<sup>5</sup> Mereka mereka ini tidak dapat didakwa kerana kesalahan persetubuhan haram disebabkan kekurangan bukti-bukti.

Jadi jelaslah kepada kita khalwat yang berlaku di Pulau Pinang dan Bukit Metajam berbeza dari segi tempat (locality). Tangkapan-tangkapan yang dilakukan di Pulau Pinang bukan berbentuk serbuan tetapi berdasarkan rondaan anggota polis semata-mata.

#### KEADAAN MASA

Menandangkan khalwat selalu berlaku di tempat yang sunyi, terkurung atau pun gelap ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan keadaan masa. Keadaan tempat dengan masa tidak boleh dipisahkan, dan perlu disesuaikan. Khalwat sebolehnya dilakukan jauh daripada pandangan orang ramai, selalunya di tempat-tempat yang sunyi. Bagi tempat yang terkurung pula seperti didalam bilik, khalwat boleh berlaku bila masa saja bank siang atau pun malam. Tetapi bagi tempat-tempat yang terbuka (expose) kedudukan masa memainkan peranan penting. Keadaan masa ini perlu disesuaikan memandangkan pasangan-pasangan yang mahu berkhawat terpaksa memastikan tempat-tempat itu selamat dari pandangan orang ramai dan juga pihak yang berkuasa. Umumnya mereka yang mahu berkhawat perlukan 'privacy' dengan sepenuhnya.

Jadual 2. Kedudukan Masa Berkhalwat Di Pulau Pinang.\*

6 MASA	tahun 1975	1976	
		dari jam 9.00 malam hingga 12.00 malam	dari jam 12.00 hingga 1.00 pagi
6.00ptg - 9.00 mlm	4	6	
9.00 - 12.00 mlm	1	18	
12.00 mlm keatas	8	8	
<b>JUMLAH</b>	<b>13</b>	<b>32</b>	

\* Angka-angka bilangan didalam bentuk pasangan.

Telah jelas kepada kita 88.8 peratus dari pasangan yang ditangkap di Pulau Pinang ialah ditempat-tempat yang sunyi dan terbuka seperti Padang Kota, Botanical Garden dan ditepi-tepi bangunan. Tempat ini adalah jelas dan terbuka jika dilakukan khalwat di siang hari dan tidak selamat. Menurut dari jadual 2, pasangan-pasangan yang ditangkap berkhalwat adalah pada waktu malam sahaja. Ini memandangkan pasangan-pasangan tersebut melakukannya di tempat yang terbuka seperti yang disebutkan . Fort Cornwallis misalnya pada waktu malam terlalu sunyi dan gelap. Dari itu apa yang akan diperhatikan ialah pdisebelah malam ini peringkat manakah didapati ramai pasangan-pasangan berkhalwat.

Dari jadual 2, pada tahun 1975 daripada 13 terdapat 8 pasangan yang ditangkap dari jam 12.00 malam keatas. Sedangkan bagi tahun 1976 dari daripada 32 pasangan 18 darinya ditangkap antara jam 9.00 malam hingga 12.00 malam. Dengan ini jelaslah pasangan-pasangan lebih suka berkhalwat dari jam 9.00 malam keatas. Kita tidak dapat menentukan 'seriousness' khalwat itu berdasarkan pada masa mana kerana masa pasangan-

pasangan berkhawat adalah berdasarkan keselesaan bagi diri masing-masing.

Bagi tahun 1975 dari 8 pasangan yang berkhawat dari jam 12.00 malam keatas 5 darinya adalah dari jam 1.00 hingga 1.30 pagi, dan yang terlewat sekali ialah jam 4.30 pagi bertempat di celah tembok Fort Cornwallis. Menurut pandangan Khadi bandaraya pasangan empat pasangan yang melakukan khawat pada jam 12.00 malam keatas ini sempat kerana mereka tidak siap pulang awal. Mereka-merka didalam golongan ini kebanyakannya terdiri dari pekerja-pekerja kilang, terutamanya bagi gadis-gadis. Mereka ini ada yang tinggal di asrama yang disediakan oleh kilang-kilang tempat mereka bekerja. Peraturan asrama menetapkan had masa yang paling lewat sekali untuk pulang keasrama. Bagi mereka yang telah terlewat merasakan sukar untuk pulang dan masuk kedalam kawasan asrama. Ada juga diantara gadis-gadis ini yang tinggal di Seberang Perai seperti Butterworth, Perai dan Bukit Mertajam. Tempat ini adalah jauh dari bandaraya dan perkhidmatan bas yang ada selewat-lewatnya hingga jam 12.30 pagi sahaja.

Bagi tahun 1976 terdapat 18 pasangan berkhawat dari jam 9.00 hingga 12.00 malam. Pasangan-pasangan yang begini mungkin dapat dikatakan mempunyai sedikit disiplin, kerana mungkin dirasakan perlu pulang lebih awal. Sekurang-kurangnya sempat menaiki bas yang terakhir. Bagi pihak lelaki mungkin tidak berapa timbul sama ada perlu pulang atau tidak atau jam berapa patut pulang. Bagi pihak perempuan adalah perlu untuk pulang kerumah kerana takut dimarahi oleh sesiapa yang bertanggung jawab, atau pun mereka rasakan perlu ada had masa untuk pulang; dan memungai 'self-consciousness'.

Jadi Setelah dilihat dari data dan keterangan yang diberikan didapati kesemua pasangan-pasangan berkhawlāt diwaktū malam seperti yang dinyatakan dibahagian awal tadi. Tetapi pada hakikatnya khawlāt tidak hanya berlaku disebelah malam sahaja. Yang berlaku disebelah malam selalunya di tempat-tempat yang terbuka. Tetapi di tempat yang tertutup seperti di dalam bilik, rumah sendiri, hotel dan tempat tempat yang lain mungkin lebih ramai lagi dari yang berlaku di tempat terbuka. Di tenpat-tempat seperti ini tidak hanya berlaku disebelah malam sahaja bahkan juga disiang hari. Tempat yang begini adalah selamat dan amat sukar untuk dikesan, mulainkan mendapat lapuran dari orang ramai.

Tempat yang tertutup adalah selamat sebab ituuklah sukar untuk dikesan oleh pihak yang berkuasa. Setakat ini belum ada inisiatif dari pihak yang berkuasa untuk mencari pasangan-pasangan yang berkhawlāt di tempat yang tertutup ini. Untuk melakukan tanggung jawab ini bukanlah senang melainkan pihak yang berkuasa mendapat kerjasama dari orang ramai. Sekiranya pihak yang berkuasa mendapat aduan dari orang ramai mereka berhak pergi menyiasat perkara itu sama ada benar atau tidak.

Sebagai perbandingan keadaan yang berlaku di Pulau Pinang agak berbeza dengan yang berlaku dari Bukit Mertajam. Perbezaan ini adalah dari segi masa dan dapat dilihat dari jadual yang diberikan.

Dalam jadual yang diberikan pasangan berkhawlāt ditunjukkan di bilik-bilik hotel iaitu tempat yang terkurung dan tertutup dari pandangan ramai. Dari 29 buah yang ada di Nakhodah Syariah 27 darinya

Jadual 3, Kedudukan Masa Berkhalwat Di Bukit Mertajam.

Bukit Mertajam		
di Bukit Mertajam ini sebenarnya peliguran. Polis-polis		
mengeru MASA BILIK hotel di sini bertujuan untuk mengurangkan		
10.00 pagi - 12.00		7
tengah hari	5	
12.00 - 3.00 ptg	4	
3.00 - 6.00 ptg	3	5
6.00 - 12.00 mlm	-	3
12.00 mlm keatas	1	1
JUMLAH	13	16

Dari Jadual 3 diatas pasangan yang berkhawat di Bukit Mertajam ramai di waktu siang, terutamanya sebelah tengah hari. Jumlah bagi kedua-dua tahun ialah 29 pasangan yang berkhawat. Dari jumlah itu seramai 24 pasangan atau 85.7 peratus yang berkhawat di siang hari diantara jam 10.00 pagi hingga 6.00 petang. Keadaan yang berlaku di Bukit Mertajam ini adalah kontra dengan yang terjadi di Pulau Pinang. Seperti yang telah dinyatakan di Pulau Pinang khawat yang berlaku di tempat yang terkurung tidak dikesan., dan keadaan yang sebaliknya terjadi di Bukit Mertajam.

Di Bukit Mertajam kebanyakkan pasangan berkhawat ditangkap di bilik-bilik hotel iaitu tempat yang terkurung dan tertutup dari pandangan ramai. Dari 29 kes yang ada di Mahkamah Syariah 25 darinya

ditangkap di hotel-hotel. Khalwat yang berlaku disiang hari ~~di siang hari~~ di Bukit Mertajam ini sebenarnya pelacuran. Polis-polis meyerbu bilik-bilik hotel disiang hari bertujuan untuk membasmikan pelacuran. Bukti kejadian khalwat ini sebagai pelacuran telah di-terangkan dibahagian yang lalu.

Sebagai kesimpulan dapat dilihat dari segi masa khalwat yang dilakukan ditempat yang terbuka selalunya dimalam hari, sebah terlepas dari pandangan ramai. Tetapi bagi yang memilih tempat yang terkurung seperti di hotel-hotel di Bukit Mertajam masanya tidak dapat ditetapkan sama ada malam atau pun siang. Buktinya pasangan-pasangan yang di tangkap semuanya diberkas pada siang hari.

#### KAUM

Undang-undang khalwat dikuatkuasakan kepada orang-orang yang berugama Islam sahaja. Undang-undang ini wujud di bawah Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam ditiap-tiap negeri. Seperti yang telah disebutkan ianya tidak dikuatkuasakan kepada yang bukan Islam, walau pun mereka berkhawat dengan yang berugama Islam. Didalam kontek kaum ini kita akan melihat bilangan kaum lain yang terlibat bersambutan sehinggakan pasangan yang berugama Islam didakwa dibawah undang-undang ini.

Bagi bandaraya Pulau Pinang jumlah kaum asing yang terlibat seramai 3 orang sahaja seperti yang terdapat pada tahun 1976. Pada tahun 1975 tidak terdapat bangsa asing. Namun demikian terdapat juga kaum Pakistan yang turut terlibat, tetapi mereka juga berugama

berugama Islam, dari itu mereka tidak akan diambil kira. Ketiga-tiga orang kaum asing yang bukan berugama Islam yang dimaksudkan itu ialah 2 orang lelaki Tamil dan seorang lelaki Australia. Menurut Khadi bandaraya kedua-dua orang Tamil yang dimaksudkan ditangkap ketika sedang berkhalwat dengan gadis-gadis Melayu pada masa dan tempat yang sama. Mereka di tangkap oleh polis yang sedang meronda pada jam 3,40 pagi.<sup>5</sup>

Berkenaan lelaki Australia yang dimaksudkan, kerana berkhalwat dengan seorang wanita Melayu yang menjadi isteri kepada seorang mualaf bangsa Australia juga. Perkara ini boleh sampai ke mahkamah kerana dilapurkan oleh muaalaf tersebut ke balai polis dan kemudian dibuat serbuan.

Bagi keadaan di Bukit Mertajan pula dalam tahun 1975 terdapat 6 orang bangsa asing daripada 13 pasangan, dan 5 orang dari 16 pasangan bagi tahun 1976. Jumlah bagi kedua-dua tahun iaitu 11 orang bersamaan dengan 37.9 peratus. Istimewanya kesemua kaum asing ini ialah kaum lelaki sahaja iaitu 5 orang Tamil dan 6 orang Cina.

Kemunculan kaum asing yang agak ramai ini kerana mereka melakukannya dengan pelacur-pelacur. Bagi pelacur-pelacur mereka menerima kaum apa sekali pun, asalkan mendapat bayaran. Bila disebut 'pelacuran' sudah pasti melibatkan hubungan jenis. Tetapi perkara ini sukar untuk dibuktikan di mahkamah kerana kurang keterangan, saksi dan bukti-bukti. Sewaktu polis meyerbu kebilik-bilik hotel mereka tidak didalam keadaan berhubung jenis, jadi mereka cuma dapat didakwa dibawah undang-undang khalwat sahaja.

UMUR

Bahagian ini agak menarik sekali, kerana ia dapat memperlihatkan peringkat manakah yang ramai sekali bakhhalwat. Umur dapat menerangkan latarbelakang kematangan sesorang itu, kerana peringkat remaja dan peringkat dewasa adalah berbeza cara pemikiran dari segi mentaliti dan juga saikologi.

Jadual 4, Peringkat Umur yang Melakukan Khalwat Di Pulau Pinang.

UMUR	1975		1976	
	Pm'puan	Lelaki	Pm'puan	Lelaki
Dibawah 15 tahun	-	-	3	-
16 - 19 tahun	4	2	10	3
20 - 23 tahun	5	6	9	13
24 - 27 tahun	-	1	3	5
28 tahun keatas	2	-	1	6
 JUMLAH	11	9	26	27
Tidak disebut	2	4	6	5
 Jumlah Asal	13	13	32	32

Dilihat dari jadual diatas purata umur bagi perempuan yang ramai melakukan khalwat ialah diperingkat umur 16 hingga 23 tahun. Jumlah bagi tahun 1975 dan 1976 diperingkat umur ini ialah

28 orang daripada 37 orang yang diketahui umur mereka ialah 75.6 peratus. Bagi lelaki pula ialah antara yang berumur 20 hingga 27 tahun purata umur mereka. Bagi jumlah kedua-dua tahun dari 36 orang yang diketahui umur mereka 25 darinya adalah didalam peringkat umur tersebut. Bermakna 69.4 peratus . Bagi kedua-dua kumpulan lelaki dan perempuan adalah jelas golongan yang ramai berkhawat dari peringkat remaja dan masih muda, iaitu bagi perempuan diantara 16 -23 tahun dan lelaki 20 - 27 tahun. Sebab-sebab peringkat umur ini ramai yang berkhawat akan diterangkan dibab yang seterusnya kerana ia mempunyai bidang yang agak luas untuk dibincangkan dan mempunyai kaitan yang rapat dengan aspek saikologi dan sosial.

Untuk peringkat umur pasangan-pasangan yang berkhawat di Bukit Mertajam agak sukar sedikit kerana butir-butir umur bagi tahun 1975 tidak ada dan bagi tahun 1976 pula tidak berapa lengkap. Walau pun demikian bagi tahun 1976 ini agak jelas baik lelaki mahu pun perempuan diperingkat umur 20 tahun keatas. Disini dapat dilihat perbezaan umur jika dibandingkan dengan peringkat umur seperti yang terdapat di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang bagi gadis-gadis ada yang terlibat dari umur 15 tahun lagi, tetapi tidak demikian bagi yang di Bukit Mertajam. Sebabnya di Pulau Pinang gadis-gadis diperingkat umur belasan tahun berpasang-pasangan dan berkhawat sekadar untuk mencari hiburan dan kepuasan diri. Bagi di Bukit Mertajam peringkat umurnya lebih dewasa disebabkan perempuan-perempuan ini kebanyakannya pelacur dan mempunyai pengalaman dari segi seks. Mereka berkhawat untuk mendapatkan bayaran dan bukan untuk kepuasan peribadi seperti gadis-gadis yang lebih muda dari mereka di Pulau Pinang.

ASAL(Tempat)

Dari data-data yang dapat dikutip tempat asal mereka yang berkhawat tidak begitu lengkap kerana jarang dicatatkan didalam keterangan mahkamah. Dibawah ini adalah catatan yang dapat diambil.

Jadual 5, Tempat asal mereka yang melakukan khalwat di Pulau Pinang.

ASAL TEMPAT	1975		1976	
	Lelaki	Ppuan	Lelaki	Ppuan
a) Pulau Pinang	1	1	6	11
b) Seberang Perai	4	2	9	4
Orang asing	1	1	12	10
( luar a dan b )				
JUMLAH	6	4	27	25
Bilangan yang tidak disebut	7	9	5	7
Jumlah Asal	13	13	32	32

Keseluruhannya bilangan yang tidak diketahui tempat asalnya agak besar juga iaitu 28 orang dari 90 orang individu yang terlibat bagi kedua-dua tahun. Dari apa yang tercatit diatas 6 orang daripada 10 orang yang terdapat dalam tahun 1975 datangnya dari Seberang Perai seperti Perai, Butterworth dan Bukit Mertajam. Ini bermakna mereka terpaksa meyeberang dari tempat tinggal mereka dan berkhawat di Pulau Pinang, khasnya di Padang Kota. Sebabnya mungkin mereka rasakan

lebih selamat melakukannya di tempat sendiri. Mungkin mereka ini merasa segan dan takut kalau kala terjumpa dengan orang-orang yang dikenali jika dilakukan di tempat sendiri. Lagi pun di Seberang Perai tidak ada tempat-tempat awam yang sesuai untuk berkhawat seperti yang terdapat di Padang Kota di Pulau Pinang.

Bagi tahun 1976 bilangan yang tidak disebut tidaklah begitu besar. Melihatkan pada jadual 5 terdapat 12 lelaki yang bukan orang tempatan daripada 27 orang yang diketahui dan diikuti pula dengan 9 orang dari Seberang Perai. Kedua-dua kumpulan ini bukan dari bandaraya Pulau Pinang sendiri, jadi mereka dikirakan sebagai bukan orang tempatan. Yang menjadi kenyataan ialah orang asing ini lebih ramai dari orang-orang tempatan yang melakukan khawat di Pulau Pinang, terutamanya bagi lelaki. Sebabnya mungkin mereka rasakan selamat dengan melakukannya bukan di tempat sendiri.

Bagi orang-orang tempatan terutamanya lelaki yang lebih biasa dan berpengalaman dengan cara hidup di bandaraya Pulau Pinang. Mereka mungkin mempunyai rumah sendiri atau pun rumah sewa. Adalah lebih selesa dan memudahkan jika mereka lakukan di rumah mereka daripada di tempat-tempat yang terbuka, kerana ianya lebih selamat dan mempunyai 'privacy'.

Bagi perempuan pula dari 25 orang yang diketahui 11 berasal dari Pulau Pinang sendiri, iaitu 44 peratus. Mereka yang bukan orang-orang tempatan seramai 10 orang iaitu 40 peratus. Mereka ini berasal dari tempat lain. Bagi perempuan baik orang asing dan orang tempatan tidak banyak berbeza. Orang asing ini datang ke Pulau

Pinang untuk mendapatkan pekerjaan. Kebanyakkan dari mereka bekerja di kilang-kilang. Orang-orang mendatang ini merasakan mereka mempunyai kebebasan sepenuhnya tanpa kawalan dari ibu bapa dan sanak saudara. Mereka selalunya menyewa rumah beramai-ramai dan mempunyai cara hidup dan nilai yang sama.

Bagi gadis-gadis tempatan mereka juga kebanyakannya dari pekerja kilang, penganggor, dan juga murid sekolah. Mereka ini juga mungkin kurang mendapat kawalan baik dari ibu bapa dan sesiapa pun. Bagi gadis-gadis kilang tempatan mereka ramai juga yang suka tinggal bersinggan dengan ibu bapa. Disebabkan Pulau Pinang merupakan tempat mereka, dan pandai menyesuaikan dengan tempat sendiri.

Di Bukit Mertajam pula perempuan kesemuanya berasal dari luar Bukit Mertajam sendiri, kecuali seorang sahaja yang berasal dari Bukit Mertajam dari 16 orang. Yang 15 lagi berasal dari luar Bukit Mertajam seperti Kelantan, Kuala Lumpur, Perak dan lain-lain tempat. Mereka ini terdiri dari pelacur-pelacur. Pelacur-pelacur jarang sekali bekerja di tempat sendiri dan berubah-ubah tempat, jika tidak mereka akan mudah dikenali oleh orang-orang tempatan iaitu masyarakat setempat mereka. Bagi perempuan yang berasal dari Bukit Mertajam bukanlah pelacur, bila dia ditangkap berkhilwat di rumahnya sendiri dan diadukan oleh orang ramai.

Bagi lelaki di Bukit Mertajam pula tidak ramai yang diketahui asal mereka lebih-lebih lagi kaum asing yang bukan berugama Islam. Tetapi bagi lelaki Islam yang diberi tempat asalnya adalah dari orang-orang tempatan, baik dari Seberang Perai mahu pun Pulau Pinang,.

Mereka ini adalah pelanggan-pelanggan kepada pelacur-pelacur yang di aman sebelum tadi. Disini dapat dilihat dan dibuat kesimpulan bangsa-bangsa asing yang jadi pelanggan kepada pelacur-pelacur tadi juga orang-orang tempatan. Dari data-data yang ada cuma 3 orang sahaja orang asing dari 16 orang.

PEKERJAAN

Butir-butir mengenai pekerjaan yang ada dalam keterangan mahkamah di Pulau Pinang juga tidak lengkap. Ini memandangkan ianya tidak dipentingkan untuk dibicarakan di mahkamah. Yang dapat dicatit adalah dikutip dari salinan repot polis sahaja. Walau bagaimana pun dari apa yang dapat dicatitkan keterangannya adalah seperti berikut.

Bagi perempuan yang terbanyak sekali ialah pekerja kilang diikuti oleh penganggor, dan murid sekolah. Pekerja-pekerja kilang ini kebanyakannya orang-orang mendatang, dan telah disebutkan serba sedikit tentang mereka dibab yang lalu. Mengenai latar-belakang mereka ini akan dibincangkan lagi dengan lebih luas dibab yang seterusnya.

Golongan lelaki pula bagi tahun 1975 adalah tidak lengkap yang ada cuma penganggor sahaja. Bagi tahun 1976 terdapat berbagai jenis pekerjaan yang mempunyai variasi. Agak terlalu banyak untuk menamakan semua jenis pekerjaan. Namun demikian apa yang jelas sekali pekerjaan mereka ini baik lelaki atau pun perempuan adalah dari pekerjaan yang berpendapatan rendah dan dari kelas bawahan.

HUKUMAN BERKHALWAT

Hukuman yang dijatuhkan oleh khadi Mahkamah Syariah

terhadap mereka yang melakukan khalwat terbahagi kepada 3 jenis. Hukuman itu sama ada penjara, denda yang dibayar dengan wang, dan diberi amaran.

Jadual 6, Hukuman Kepada Mereka Yang Berkhalwat Di Pulau Pinang

HUKUMAN	1975		1976	
	Lelaki	Ppuan	Lelaki	Ppuan
Penjara	-	-	1	-
Amaran	3	3	3	5
\$ 50	6	6	8	7
\$ 80	-	-	1	1
\$ 100	-	-	4	8
\$ 120	-	-	3	1
\$ 150	-	-	7	3
Tidak disebut	4	4	5	7
Jumlah Sebenar	13	13	32	32

Dilihat dari jadual diatas hukuman yang diberikan yang banyak sekali ialah denda sebanyak \$ 50. Denda yang maksima ialah \$ 150 yang hanya dikenakan pada tahun 1976 sahaja, dan pada lelaki yang banyaknya. Semua yang kena denda mampu membayarnya kerana dibenarkan membayar secara beransur-ansur. Yang mendapat amaran pula ialah mereka yang dibawah umur 18 tahun, menganggor dan nengaku bertunang. Ada juga gadis-gadis yang dihantar ke Pusat Pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Denda maksima seperti yang tercatit didalam buku undang-undang ialah

\$200 atau penjara 2 bulan bagi kesalahan pertama.<sup>5</sup>

Didalam jadual yang diberikan terdapat juga 14 orang yang telah ~~diberi amaran~~ itu 6 orang lelaki dan 8 orang perempuan. Bagi lelaki mereka diberi amaran 3 daripadanya kerana menganggor dan tidak mampu membayar denda, dan 2 orang lagi sebab masih dalam belasan tahun dan juga menganggor. 3 orang lagi yang dibebaskan sebab mengaku sedang bertunang dan akan berkahwin. Namun demikian mereka diberi amaran supaya berkelakuan baik dalam tempoh 6 bulan.

Bagi perempuan pula mereka juga diberi amaran diatas sebab yang sama kerana dibawah umur, menganggor dan mengaku bertunang. Mereka juga dikehendaki memberi jaminan berkelakuan baik dalam tempoh 6 bulan. Dari 8 orang perempuan yang diberi amaran ini 2 daripadanya masih dibawah 15 tahun. Mereka keduanya dihantar ke Pusat Pemilihan. Kedua-dua mereka sedang menganggor dan tidak mempunyai saudara-mara yang rapat.

Selain dari data yang diberi dalam Jadual 6 terdapat juga denda-denda yang melebihi \$ 150. Mengikut Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri-Negeri setiap hukuman yang melebihi \$ 200 adalah dibawah Khadi Besar tidak lagi dibawah Khadi Daerah. Dari pejabat Khadi Besar Bandaraya Pulau Pinang terdapat seorang lelaki dan 4 orang perempuan yang dikenakan hukuman \$ 200 keatas atau 60 hari penjara kerana melakukan kesalahan berkhawat lebih daripada sekali.<sup>6</sup> Kelima-lima mereka telak membayar denda.

Didalam kes lelaki yang disebutkan kali pertama beliau melakukan khawat telah dilepaskan kerana masih dibawah umur 18 tahun.

5) Seksyen 149, Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Pulau Pinang.

6) Ibid.

Pada masa itu ia dibicarakan di Mahkamah Syariah Nibong Tebal. Pada kali kedua beliau didapati berkhawat disalah sebuah hotel di Bukit Mertajam. Beliau telah membayar denda yang dikenakan sebanyak \$ 200.<sup>7</sup>

Bagi 4 orang perempuan lagi mereka juga didapati melakukan kesalahan bagi kali kedua. Keempat mereka ini telah ditangkap ketika anggota polis membuat serbuan di hotel-hotel Bukit Mertajam. Mereka sebelum ini pernah melakukan kesalahan kali yang pertama dan dibicarakan di Mahkamah Syariah Bukit Mertajam. Pada perbicaraan kali kedua mereka telah dikenakan denda sebanyak \$ 280 atau 60 hari penjara. Mereka telah membayar denda tersebut. Sebelum itu mereka pernah didenda diantara \$ 150 hingga \$ 180.<sup>8</sup>

7) Kes 10/76, Seksyen 149 (1). Khadi Besar Pulau Pinang.

8) Kes 2/76, 3/76, 6/76, 7/76, Sesyen 149 (2) Khadi Besar Pulau Pinang

## BAB KEEMPAT

bentuk penyelewengan yang dilakukan di Pulau Pinang ternyata khalwat banyak berlaku di khalwat mereka.<sup>1</sup> Dari kajian kes PANDANGAN TENTANG KHALWAT YANG BERLAKU DI PULAU PINANG

### Pendahuluan

Khalwat berlaku dikalangan semua kelas sosial baik gulungan miskin atau pun kelas atasan. Kedua-dua gulungan ini mempunyai variasi dari segi pelajaran, pekerjaan, kepentingan mahu pun yang masih belum atau pun yang sudah berkahwin. Khalwat dikalangan kelas atasan dan yang berpelajaran amat susah untuk dikesan. Ini disebabkan "sosial visibility"nya rendah. Begitu juga bentuk penyelewengan yang lain tidak begitu ketara pada orang ramai. Tetapi masyarakat tahu bahawa kelas atasan dan berpelajaran banyak melakukan perlanggaran-perlanggaran yang disebut 'white collar crime'. Penyelewengan yang dilakukan oleh gulungan ini selalunya selamat dan jarang-jarang dapat dikesan.

Begitu juga soal penyelewengan seks, bukan setakat khalwat sahaja bahkan juga melakukan hubungan seks secara haram. Tetapi gulungan ini terselamat daripada perhatian awam dan tindakan pihak yang berkuasa disebabkan kuasa dan kedudukan ekonomi serta pelajaran yang ada pada mereka.

Bagi kelas bawahan mereka tidak mempunyai kemampuan seperti kelas atasan. Kedudukan dari segi pekerjaan, pelajaran dan kepentingan adalah berbeza. Dari itu peluang yang sama tidak akan dapat dicapai seperti kelas atasan. Pencapaian matlamat melalui cara yang sah adalah tertutup. Dari itu gulungan miskin yang dari kelas bawahan merasakan tidak ada peluang untuk mencapai matlamat mereka melalui jalan yang sah. Dari itu mereka terpaksa menggunakan cara yang tidak sah atau

bentuk penyelewengan untuk mencapai matlamat mereka.<sup>1</sup> Dari kajian kes yang dilakukan di Pulau Pinang ternyata khalwat banyak berlaku dikalangan kelas bawahan. Kelas bawahan disini ialah gulungan yang berpendapatan rendah, taraf pelajaran yang kurang dan kedudukan ekonomi yang tidak stabil. Ini tidak bermakna bahawa khalwat tidak berlaku dikalangan kelas atasan. Seperti yang dinyatakan tadi kelas atasan yang mempunyai kedudukan pelajaran, ekonomi dan sosial yang baik terselamat daripada dikesan melakukan khalwat. Mereka mempunyai peluang selamat yang lebih dan selamat bila melakukan khalwat. Dengan kedudukan peluang yang lebih dan selamat bila melakukan khalwat. Dengan kedudukan ekonomi yang baik mereka dapat memilih tempat yang baik dan selamat daripada pihak polis dan juga pihak Majlis Ugama Islam di Pulau Pinang.

Seperti yang diketahui gulungan bawahan yang ditangkap dan dibicarakan di Mahkamah Syariah Pulau Pinang ditangkap di tempat-tempat yang mudah dikesan dan 'high visibility'nya. Sebabnya mereka tidak mampu memilih tempat-tempat yang lebih selamat seperti hotel-hotel dan rumah-rumah rihat. Tempat yang mereka mampu ialah di tempat-tempat rekreasi awam seperti Padang Kota, Taman Bukit Dumbar, Botanical Gardens, tepi-tepi pantai dan tempat istirihat awam yang lain. Ada juga yang melakukan di rumah sendiri atau di rumah sewa. Gulungan ini lebih bernasib baik sebab tidak dapat dikesan dan dilaporkan kepada pihak berkuasa. Mereka samalah juga seperti kelas atasan yang melakukan khalwat dan terselamat daripada dikesan.

Didalam kes-kes yang terdapat di Mahkamah Syariah Pulau Pinang gulungan pendapatan rendah yang ditangkap kebanyakannya terdiri dari penganggur pekerja kilang, penuntut sekolah dan gulungan rendah

1) Marshall B.Clinard - "Poverty, Anomie & Deviant Behaviour", Sociology Of Deviant Behaviour (1957) ms. 112.

yang lain. Menurut Kadhi Daerah Mahkamah Syariah Pulau Pinang majoriti dari mereka yang ditangkap ialah pekerja-pekerja kilang lebih-lebih lagi dikalangan perempuan. Pulau Pinang adalah sebuah negeri yang g sedang pesat dengan pembangunan perindustrian. Kawasan-kawasan perindustrian yang dimaksudkan ialah di Bayan Lepas, Perai dan Mak Mandin. Kawasan perindustrian ini didirikan mengikut program pembangunan ekonomi Malaysia iaitu Rancangan Lima Tahun Malaysia. Tujuannya ialah untuk menggalakkan pelaburan asing dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada anak tempatan yang menganggur. Keutamaan diberikan kepada Bumi-putra lebih-lebih lagi yang berasal dari luarbandar. Ini adalah matlamat kerajaan untuk meninggikan taraf ekonomi penduduk miskin Bumiputra dari luarbandar. Dengan terdirinya kilang-kilang ini banyaklah berlaku penghijrahan penduduk-penduduk luarbandar ke bandar; iaitu dari sektor pertanian ke perindustrian.

Penghijrahan penduduk-penduduk luarbandar ke bandar adalah disebabkan oleh faktor menolak dan faktor menarik. Tekanan ekonomi penduduk-penduduk luarbandar yang menghadapi berbagai-bagai masaalah. Masaalah-masaalah yang dihadapi seperti hasil pengeluaran yang rendah, pengangguran, gunatenaga tidak penuh dan berbagai masaalah sosio ekonomi yang terbit dari kecacatan sektor pertanian yang membawa kepada kemiskinan.

Kelemahan-kelemahan sektor pertanian di luarbandar sebagai faktur menolak dan menggalakkan penghijrahan ke bandar-bandar untuk mendapatkan pekerjaan. Di samping itu nilai terhadap masyarakat kampong dan kerja kampong khasnya disebabkan konsep masyarakat yang menganggap bahawa masyarakat kampong itu adalah lebih rendah tarafnya daripada

rendah jika dibandingkan dengan taraf belanja di bandar. Kebanyakannya masyarakat bandar.<sup>1</sup>

Peluang-peluang pekerjaan yang terdapat di bandar merupakan faktor menarik yang utama. Bandar merupakan pusat birokrasi dan pentadbiran di mana terdapat juga industri-industri di pinggir-pinggir bandar. Keadaan ini memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada penghijrah-penghijrah dari luarbandar.

Di samping itu terdapat kemudahan-kemudahan di bandar yang tidak dapat dinikmati di luarbandar seperti panggong wayang, pentas-pentas pertunjukan, kelab malam, hotel-hotel, tempat membeli belah seperti emporium dan supermarket. Di samping itu juga terdapat tempat-tempat rekreasi awam seperti Taman Tasik, Padang permainan dan tempat-tempat tumpuan pelancung. Gambaran keadaan kota ini diketahui oleh penduduk di luarbandar melalui sibaran-sibaran am seperti radio, talian esyen, majallah, surat khabar dan lain-lain. Belia-belia yang pulang ke desa juga memberikan gambaran yang baik serta propaganda tentang kehidupan di bandar.

Kebanyakan kilang-kilang yang didirikan lebih memerlukan pekerja wanita sebab kebanyakan pekerjaan-pekerjaan yang ada lebih sesuai dijalankan oleh wanita-wanita. Selain dari anak-anak tempatan ramai juga mereka yang datang dari luar Pulau Pinang seperti Kedah dan Perak Utara. Mereka-mereka yang dari luar itu mahupun anak-anak tempatan terpaksa tinggal di asrama, menyewa rumah ataupun menumpang rumah saudara mara dan kenalan secara perseorangan ataupun beramai-ramai. Pekerja-pekerja kilang ini pendapatan mereka adalah amat

1) Syed Hussein Ali, "Social Stratification in Kampong Bagan", Singapore, Monograph of JMBRAS, 1964, ms. 88.

rendah jika dibandingkan dengan taraf belanja di bandar. Kebanyakannya \$4/= kebawah dan ada yang mendapat \$1.20 sehari. Pekerja-pekerja kilang ini selalunya suka menyewa rumah beramai-ramai untuk menjimatkan perbelanjaan mereka.

Pekerja-pekerja kilang yang berasal dari luarbandar Pulau Pinang sudah pasti tidak tinggal bersama dengan keluarga asal mereka. Begitu juga bagi mereka yang berasal dari Pulau Pinang sendiri. Jika tempat kerja agak jauh dari rumah asal mereka lebih suka mencari tempat tinggal sendiri atau menyewa rumah beramaia<sup>ramai</sup>. Dengan ini bermakna mereka sudah tidak lagi didalam perhatian dan kawalan ibu bapa. Apa yang mereka lakukan tidak akan diketahui oleh ibu bapa kerana mereka hidup secara sendiri dan tidak lagi ditanggong oleh ibu bapa. Bila ini terjadi bermakna mereka mempunyai kebebasan sepenuhnya. Mereka terpaksa berdikari dan mengawal tingkah laku, moral dan keselamatan sendiri.

Di bandar yang penuh dengan cubaan hidup dan persaingan mereka-mereka yang baru terlepas dari kawalan keluarga terpaksa membentuk corak hidup mereka sendiri. Bagi mereka yang belum biasa dengan cara hidup bandar dan cuba menyesuaikan diri dengan norma baru akan mudah terpengaruh dengan gejala-gejala yang kurang sihat, contohnya khالwat. Tambahan pula mereka yang tidak mendapat didikan ugama dan moral yang sempurna, penyelewengan dari segi moral mudah berlaku.

Ditinjau dari segi umur pula gulungan yang berkhalwat majoriti nyaberumur 27 tahun ke bawah. Berdasarkan Jadual 4, bagi perempuan 75.6% berumur dari 16-23 tahun. Bagi lelaki pula 69.4% berumur dari 20-27 tahun. Jelas kelihatan di sini peringkat umur menunjukkan mereka masih diperingkat remaja bagi perempuan dan peringkat belia bagi lelaki.

Peringkat umur yang muda ini adalah amat mudah terpengaruh dengan berbagai bentuk penyelewengan. Tambahan pula sifat orang muda yang berdarah panas, sikap ingin mencuba dan baru mencapai kematangan didalam soal seks. Pengaruh kawan adalah merupakan faktor yang penting.

Bagi Albert J.Reiss "tingkah laku seks remaja muncul dari kawalan 'peer' dan organasasi 'peer'. Mereka cuba dapatkan pengiktiran dengan bersikap seperti orang dewasa dan mempunyai hak dan status seperti orang-orang dewasa."<sup>3</sup> Peringkat remaja adalah merupakan tahap perubahan dari kanak-kanak kepada dewasa. Mereka ini selalunya tidak diberi keistimewaan sebagai kanak-kanak dan tidak diberi hak dan tanggongjawab sebagai seorang dewasa.

Implikasi dari tindakan orang-orang yang lebih dewasa memberi tuk sikap remaja terhadap sanction yang diterima oleh mereka didalam melakukan penyelewengan seks contohnya berkhawat. Mereka rasakan sanction agak sukar dikenakan keatas mereka dan terpaksa diberi keistimewaan berdasarkan umur, status sosio ekonomi, seks dan juga pandangan penghakiman.<sup>4</sup> Contohnya didalam kes khalwat dari Pulau Pinang terdapat 8 orang yang diberi amaran disebabkan menganggur dan dibawah umur 20 tahun. Diantaranya terdapat 2 orang gadis dibawah umur 15 tahun dihantar ke Pusat Pemulihan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Bagi remaja status umur sebagai "reference point" dalam menilai kesalahan mereka dalam mengenakan sanction terhadap perlanggaran yang mereka lakukan. Bila mereka melakukan kesalahan di samping itu

3) Albert J.Reiss - Sex Offence "The Marginal Status of Adolescence". Juvenile Delinquency, Bab 13, ms. 145.

4) Ibid.

tidak diiktiraf dewasa mereka merasakan seolah-olah "overprotected" dari segi tanggongjawab moral. Dengan ini menyebabkan mereka lebih berani melakukan penyelewengan lebih dari orang-orang dewasa bagi kesalahan yang sama.<sup>5</sup> Di dalam kes khalwat faktor umur, kawalan dan kedudukan sosio ekonomi adalah penting. Sebab itulah rata-rata pekerja-pekerja kilang yang terlibat didalam khalwat diperingkat umur 18 (umur minima)- hingga 27 tahun terutamanya perempuan.

Lelaki adalah memainkan peranan yang terpenting didalam khalwat. Di dalam peranan seks lelaki terpaksa mencari dan memilih siapakah yang sesuai dengan memhuat "approach" kepada wanita yang disukai. Wanita tidak mempunyai kebebasan seperti lelaki kerana menurut "social expectations" bukannya peranan mereka. Wanita yang bersikap begini akan di"label" tidak mempunyai nilai, harga dan maruah diri sendiri. Peranan seks membuatkan lelaki mempunyai kebebasan yang mutlak dalam menentukan pasangan-pasangan mereka. Menurut Albert J. Reiss lagi, perlanggaran norma-norma seks bagi lelaki sebagai "an ends to itself"<sup>6</sup> dan bagi perempuan seks sebagai "means" iaitu jalan keluar,

Didalam soal khalwat lelaki selalunya mengsyurkan kepada perempuan, jarang sekali dicadangkan oleh perempuan kerana ia merupakan peranan seks lelaki. Sebab itulah timbul sikap berat sebelah (bias) keruntuhan moral itu lebih ditekankan kepada perempuan. Seandainya seorang perempuan itu mengandung, tanggongannya adalah pada mereka sedangkan lelaki boleh membuat pilihan samaada mahu bertanggongjawab atau tidak. Ini disebabkan penglibatan lelaki sukar dibuktikan.

5) Ibid.

6) Ibid.

Sebab itulah dalam masyarakat kita hari ini moral wanita amat ditekan-kan sebab kerugian adalah dipihak mereka dalam menentukan masa depan mereka, sedangkan kedudukan lelaki tidak terjejas sama sekali.

Baik di mana saja khalwat banyak berlaku disebelah malam baik yang "social visibility"nya rendah atau pun tinggi. Khalwat, satu kurang terjadi disiang hari melainkan pada hari minggu atau hari kelepasan am. Gulungan yang berpendapatan rendah corak pekerjaan mereka menggunakan tenaga fizikal yang banyak dan memberi kesan juga kepada mental mereka. Mereka yang terlambat tertakluk kepada pekerjaan disiang hari merasakan ianya sebagai tekanan terhadap jiwa mereka. Ini mewujudkan kekegawaan pada mereka kerana letih berkerja. Siang hari merupakan waktu bekerja yang menekan mereka semata-mata untuk mendapatkan sara hidup. Waktu malam merupakan waktu rihat dan mereka tidak terlibat lagi dalam suasana bekerja, melainkan yang bekerja mengikut "shift".

Waktu untuk berihat atau "leisure time" ini akan digunakan sepenuhnya untuk menghilangkan tekanan mental akibat bekerja disiang hari. Cara menghilangkan kerunsingan, kelatihan fizikal dan kekeciwaan dapat dihilangkan melalui bersosial dan mencari hiburan. Khalwat merupakan satu jalan keluar. Waktu malam merupakan masa yang paling sesuai untuk berkhalwat. Tambahan pula di Pulau Pinang ini banyak terdapat tempat-tempat yang sesuai untuk berkhalwat. Tempat-tempat ini terpu langlah kepada mereka mengikut kesesuaian masing-masing.

#### Masaalah Yang Dihadapi

Dari bualcara yang dijalankan dengan Kadhi Daerah Bandaraya, Pulau Pinang, beliau sangat dukacita tentang keruntuhan moral orang-orang Islam di negara kita pada hari ini, khasnya kepada orang-orang

Melayu. Bagi beliau tanpa usaha dan sekatan yang berkesan untuk mengatasi masaalah ini, khalwat akan makin berleluasa dan menjadi serius. Menurut beliau lagi hukuman yang ada sekarang ini amat ringan jika dibandingkan dengan kesalahan yang mereka lakukan. Denda yang berupa wang tunai mudah dibayar oleh mereka yang berkhalwat. Contohnya, satu kejadian yang diberikan oleh tuan Kadhi mengenai seorang wanita Melayu yang didapati salah melakukan khalwat dengan seorang kaum asing dan dikenakan hukuman sekian banyak. Setelah selesai perbicaraan pasangannya itu membayar dengan mudah sahaja denda pada masa itu dengan sekali gus. Perkara ini menurut beliau adalah memalukan umat Islam sendiri. Hukuman yang begitu rendah adalah kurang berkesan. Beliau mengsyurkan supaya hukuman yang lebih berat dapat diluluskan bagi kesalahan-kesalahan berkhalwat.

Antara masaalah lain yang dihadapi oleh Majlis Ugama Islam Pulau Pinang ialah ticak adanya Pegawai Penyiasat Hal Ehwal Ugama atau lebih dikenali lagi dengan nama Pegawai Pencegah Maksiat. Pegawai-pegawai ini adalah penting untuk menjalankan siasatan dan tangkapan-tangkapan melalui rondaan-rondaan di tempat-tempat yang disyaki boleh berlakunya khalwat. Ketjadaan pegawai yang dimaksudkan membuatkan pasangan-pasangan yang berkhalwat tidak merasa takut berkhalwat, kerana tidak ada kawalan. Mengharapkan bantuan daripada anggota-anggota polis adalah tidak mencukupi, mereka mempunyai tanggongjawab lain yang lebih penting dalam menjaga keselamatan awam. Sekiranya wujud badah penyiasat khas ini, mereka khas bertugas mengawal kejadian khalwat dan juga perlanggaran undang-undang Islam yang lain daripada merebak.

Menurut tuar Kadhi lagi Majlis Ugama Islam telah memohon per-

untukan pegawai-pegawai ini tetapi belum mendapat peruntukan ini hingga sekarang. Begitu juga permohonan mereka untuk mendapat Pegawai Penyeungan yang telah diluluskan tetapi belum tiba hingga masa ini. Pegawai Penerangan adalah penting dalam memberi ceramah dan kursus-kursus kepada belia-belia untuk meninggikan syiar Islam dan juga moral masyarakat. Tetapi permohonan dan peruntukan ini lewat diluluskan sebab Pulau Pinang dan juga Melaka pentadbiran ugama Islamnya dibawah pentadbiran pusat. Bagi negeri-negeri lain Majlis Ugama Islam dibawah pentadbiran negeri sendiri, dan Sultan merupakan ketua ugama.

Menurut Kadhi itu lagi cara-cara lain bagi mengatasi khalwat ialah dengan wujudnya kesedaran didalam masyarakat dari segi soal-soal moral dan tanggongjawab ugama. Beliau berpendapat mass-media hari ini perlu dikawal dengan ketat dari segi rencana dan filem yang bercorak seks yang dapat menggalakkan keruntuhan moral. Di samping itu pergerakan dakwah perlu dipergiatkan lagi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Islam. Menurutnya lagi tiap-tiap kilang perusahaan perlu menyitikberatkan soal kebajikan pekerja-pekerjanya. Bagi orang-orang Islam perlu ditubuhkan Persatuan Pekerja-Pekerja Islam, dimana ia hanya diwajibkan kepada ahli-ahli yang berugama Islam. Persatuan ini akan dapat memperkembangkan pengajaran dan dakwah Islamiah. Disamping itu juga persatuan ini boleh mengawasi moral pekerja-pekerja Islamnya dari pada menyeleweng. Sebagai contoh sebuah kilang di Pulau Pinang telah berjaya mengwujudkan persatuan yang bercorak demikian dimana pegawai-pegawai eksekutif syarikat itu memegang jawatan yang terpenting di dalam persatuan itu.

Kawalan formal yang dapat mengawal khalwat ialah undang-undang. Tetapi hukuman yang ada dari undang-undang sekarang begitu ringan dan berat sebelah dimana pasangan-pasangan yang bukan Islam yang turut sama berkhawat dibebaskan. Hukuman yang ada sekarang maksimanya ialah penjara selama 2 bulan atau denda \$200 bagi kesalahan pertama. Sekiranya denda itu tidak boleh dijelaskan hukuman penjara akan dikenakan. Selainnya denda itu dapat dijelaskan dan dibenarkan dibayar secara beransor-ansor. Denda yang ada sekarang adalah rendah dan tidak sangat memberi kesan kepada mereka yang berkhawat. Denda yang ada sekarang patut ditinggikan lagi kerana undang-undang yang ada pada hari ini dibuat pada tahun 1959. Nilai mata wang pada hari ini adalah berbeza dari tahun itu. Bagi tahun 1959, membayar denda \$200 merupakan satu beban yang berat, sedangkan pada hari ini denda yang sebanyak itu dapat dibayar dengan mudah sahaja. Undang-undang merupakan satu cara kawalan dan mencegah perbuatan yang dianggap salah. Kekuatan undang-undang bergantung kepada jenis hukuman yang disediakan. Jika hukuman tersebut terlalu ringan undang-undang tersebut merupakan satu cara kawalan yang lemah dan kurang berkesan, dengan itu sukar mencapai matlamatnya.

Cadangan di sini ialah dengan meniggikan denda yang ada sekarang iaitu lebih dari \$200. Begitu juga hukuman penjara wajib dikenakan atau ditinggikan lagi, ataupun kedua-duanya sekali.

Satu masalah besar yang lain dari segi undang-undang yang menjadi issu hangat pada hari ini tentang kedudukan khalwat diantara orang Islam dengan orang yang bukan Islam. Undang-undang yang ada sekarang hanya dikuatkuasakan dan dilaksanakan dikalangan orang-orang yang berugama Islam sahaja. Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan

undang-undang tersebut dikuatkuasakan dikalangan orang bukan Islam.<sup>7</sup>

Hari ini telah terdapat kes-kes khalwat yang dilakukan oleh orang Islam dengan yang bukan Islam. Mengikut undang-undang yang ada hanya yang berugama Islam sahaja akan diambil tindakan undang-undang, manakala yang bukan Islam dilepaskan tanpa apa-apa tindakan. Ini dianggap tidak adil dan berat sebelah.

Percubaan perlaksanaan undang-undang khalwat terhadap yang bukan Islam telah dibuat oleh Majlis Ugama dan Kebajikan negeri Johor. Mereka cuba kuatkuasakan rang undang-undang baru hal ehwal ugama Islam bila ianya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Johor kelak. Mereka yang bukan Islam yang terlibat akan diadili dan dihukum melalui Mahkamah Awam.<sup>8</sup> Tetapi menurut Profesor Ahmad Ibrahim, Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Malaya, langkah yang demikian melanggar perlembagaan negara dan kejayaannya agak tipis.<sup>9</sup> Tambahan pula menurut Menteri Undang-undang negara Tan Sri Abdul Kadir Yusof undang-undang untuk menjadikan kesalahan yang bukan Islam berkhalwat atau berzina dengan orang Islam adalah berlawanan dengan prinsip yang termaktub dalam perlembagaan persekutuan. Cadangan ini pernah disuarakan didalam satu persidangan Dewan Rakyat di Parlimen.<sup>10</sup>

Namun demikian Profesor Ahmad Ibrahim berpendapat jika undang-undang yang baru di Johor ini berjaya tentu sahaja negeri-negeri yang lain akan mengambil langkah yang sama mengikut jejak kerajaan Johor. Ini disebabkan undang-undang khalwat dibawah kuasa kerajaan negeri

7) Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74, Lis 2, 9th Schedule.

8) Utusan Malaysia, 14hb. Disember, 1977.

9) Utusan Malaysia, 24hb. Disember, 1977.

10) Utusan Malaysia, 1hb. Nobember, 1977.

dan bukan kerajaan persekutuan.<sup>11</sup>

Melihat dari aspek undang-undang masaalah ini terletak pada ahli undang-undang untuk menyelesaikan masaalah ini. Peruntukan undang-undang yang baru dapat mewujudkan satu suasana yang benar-benar adil dan berkesan baik dari segi denda yang dikenakan dan juga kedudukan bagi pasangan yang bukan Islam.

Cadangan-cadangan untuk mengatasi Khalwat dari sudut sosial dan ugama.

Pembentukan undang-undang untuk mengatasi khalwat dan keruntuhan moral adalah baik. Tetapi sanction melalui undang-undang tidak dapat menyelesaikan masaalah keruntuhan moral tanpa didikan moral dan kekuatan jiwa individu baik dari segi rohani dan jasmani. Bagi ajaran Islam kawalan dan hukuman dari undang-undang hanya di peringkat dunia sahaja. Dari itu dilihat dari sudut mikro moral merupakan tanggong-jawab individu terhadap diri sendiri, masyarakat dan ugama. Pendidikan moral yang sempurna merupakan tembok penggodaan berlakunya khalwat dan juga sesuatu keadaan yang dianggap sumbang.

Kekuatan jiwa memainkan peranan penting bagi seseorang itu bertindak mengendalikan perasaannya menjadi faktor yang utama. Pergaulan bebas adalah baik dan digalakkan, tetapi ianya mestilah mempunyai perbatasan yang dapat nenghormati tatasusila bangsa dan ugama. Pergaulan bebas hari ini dikatakan tidak dapat mengawal kehendak tabii manusia semulajadi. Pergaulan bukanlah sebab yang sebenarnya, puncanya ialah individu yang bergaul bebas itu harus pandai mengendalikan perasaannya sendiri.

Zaman sains dan teknologi juga dianggap tidak upaya kuasai

11) Professor Ahmad Ibrahim, ibid.

perkembangan mental dan jiwa anak-anak yang sudah terima pelajaran moden. Zaman teknoloji adalah zaman semasa, manusia harus berikhtiar menyesuaikan diri dengan keadaan dan bukan sebaliknya. Pelajaran moden juga bukan alasan yang ibu-bapa tidak upaya lagi kawal anak-anak dan juga sebagai janbatan melakukan perbuatan-perbuatan maksiat. Pelajaran kini jelas sebagai jurang pemisahan antara ibu-bapa dan anak-anak, dan menyebabkan anak-anak tidak menghormati dan berani menentang ibu-bapa. Penyesuaian bagi individu-individu adalah penting supaya jurang ini tidak jadi penghalang bagi perhubungan antara anak-anak dengan ibu-bapa. Lagi pun ibu-bapa tidak banyak mempunyai asas saikologi.

Dilihat dari aspek ugama individu wajib mempunyai persediaan yang cukup dari segi didikan moral, pendidikan ugama harus dilihat menuju kearah mana. Ugama patut menjadi tulang belakang didalam sebuah keluarga untuk menujudkan suasana yang harmoni dan bertanggong jawab. Kejahilan masyarakat akibat kurangnya pendidikan ugama dari segi moral menentukan "civic consciousness" seseorang itu. Ajaran-ajaran ugama yang diterima sebagai pendidikan perlu diamalkan. Amalan-amalan ugama ini penting untuk menimbulkan rasa kecintaan kepada Tuhan, mensucikan diri, membersihkan jiwa dan bertaubat. Material juga penting di dalam penghidupan moden, tetapi ia juga perlu diselaraskan dengan 'spiritual', iaitu dari segi roh dan jasad. Pengetahuan dari segi ugama bukanlah setakat teori sahaja, yang penting ialah amalannya dengan menghayati apa yang dipelajari.

Tingkah laku yang menerima norma, tatasusila dan ajaran ugama dianggap sebagai makana jiwa yang dapat memberi kepuasan yang bercorak

positif. Dengan itu amatlah penting mengrelisasi segala pengetahuan mengenai ugama dalam bentuk pengalaman diri. Ugama perlu dijadikan satu reality dalam masyarakat hari ini. Islam perlu dianggap sebagai sesuatu yang dinamis dan perlu dikikis sikap jiwa yang bertentangan dengan Islam. Bersabit dengan itulah gerakan-gerakan dakwah hari ini muncul sebagai cendawan tumbuh. Mereka ini rasakan Islam adalah jalan yang paling selamat untuk memelihara diri di dunia dan akhirat. Golongan-golongan ini juga menghayati ajaran Islam dari segi rohani dan jasmani sebagai tanggungjawab sebagai seorang Islam, dengan itu timbulah perasaan kecintaan kepada Tuhan.

Menurut Professor Syed Naghib Al-Attas, Islam sebagai "..... keimanan, kepercayaan, amalan dan ajaran yang dialami serta hidup oleh setiap anggota kaum Muslimin yang merupakan ummat Islam".<sup>12</sup>

Konsep diatas membawa maksud setiap ummat Islam wajib mempunyai kepercayaan serta mengamalkan ajaran Islam. Ajaran Islam yang dimaksudkan ialah dengan menyerahkan diri dengan cara yang disedari dan diredhai sepenuh hati dan bukan untuk sementara waktu atau berlaku sekali-sekali sahaja. Penyerahan sejati adalah satu perbuatan diri secara terus menerus dalam jangka masa kehidupan sebab:

"Ibadat merujuk kepada segala perbuatan, amalan atau perkhidmatan yang disedari dan dilakukan dengan sukarela dan ditujukan semata-mata kerana Allah".<sup>13</sup>

Dengan ini segala amalan oleh setiap ummat Islam di dunia dengan amalan yang dipercayai benar dan betul dan bukannya kehendak masyarakat, tetapi kehendak Allah. Di dalam Al-Quran ada menyebutkan:

12) Syed Nagib Al-Attas "ISLAM - Faham Ugama Dan Asas Akhlak", Yayasan Anda, 1977, ms 10.

13) Ibid.

"Dan siapalah yang terlebih baik ugamanya daripada dia yang menyerahkan wajahnya (seluruh dirinya) kepada Allah".<sup>14</sup>

### Cara Mengatasi Khalwat Dari Sudut Politik

Di dalam Rancangan Pembangunan Malaysia, kemajuan banyak dititikberatkan dibidang ekonomi, terutamanya kemajuan dari segi teknologi. Pembangunan yang dirancangkan tidak memikirkan soal-soal moral dan masaalah yang dihadapi oleh rakyat. Kemajuan sains dan teknologi adalah konsep untuk membangunkan negara, Ugama adalah juga satu cabang dari sains, dan moral juga sebahagian dari ugama. Dari itu apa yang perlu diwujudkan ialah perimbangan antara kemajuan teknologi yang disertai dengan kemajuan dari segi nilai-nilai moral. Teknologi yang dibawa dari luar turut sama membawa nilai-nilai masyarakat Barat yang bertentang dengan nilai moral bagi masyarakat di negara kita. Perkara ini perlu diperhati oleh pemerintah dan pembuat sesuatu polisi (policy maker) dalam menjalankan sebarang rancangan pembangunan, supaya jangan terbawa nilai-nilai dari luar yang dapat merosakkan nilai-nilai moral masyarakat kita.

Polisi sosial dan pembentukan sosial (social reform) bertujuan membentuk struktur masyarakat dan melakukan perubahan untuk kebaikan masyarakat. Kebanyakan polisi-polisi yang ada sekarang mempunyai objektif ekonomi, dan setiap masaalah yang wujud juga mempunyai kaitannya dengan ekonomi. Rancangan yang banyak menekankan objektif ekonomi banyak menghasilkan '<sup>latent</sup>manifest function' dengan cara yang tidak disedari.

<sup>Latent</sup>Manifest function ini termasuklah keruntuhan moral seperti khalwat sendiri. Contohnya kerajaan menggalakkan pembangunan industri-industri di pinggir bandar untuk menyediakan pekerjaan kepada penduduk yang menganggor dan miskin, terutamanya dari kawasan luar-bandar. Objektif ekonomi-

14) Al-Quran, Surah Al-Nisa (4) :25.

nya untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk. Tetapi kesan sampingannya kadang kala lebih serius. Misalnya dengan berlakunya penghijrahan kebandar-bandar menyebabkan kesesakan penduduk dan masaalah perumahan sebagai masaalah secondary. Masaalah secondary tadi mewujudkan pula masaalah 'tertiary', seperti jenayah dan peyelewengan. Salah satu penyelewengan yang dimaksudkan termasuklah khalwat sendiri. Masaalah ini harus disedari dan dikaji dengan mendalam. Sesuatu polisi itu perlulah rasional untuk mencapai 'net value achievement' dimana semua nilai-nilai dalam masyarakat dikaji, penghilangan nilai-nilai dalam sesuatu polisi itu patut diganti dengan nilai yang lebih berkesan termasuk juga nilai moral. Polisi yang 'efficient' bukan sahaja dilihat dari segi ekonomi, ianya juga mesti meliputi nilai sosial dan politik.

Dari itu tiap-tiap nilai dan kepentingan yang wujud dalam masyarakat perlu diketahui dan cuba diselesaikan. Sebelum menjalankan sesuatu polisi, pembuat polisi harus menyedari dan mencari persoalan dengan mengetahui masaalah primary, secondary dan tertiary. Tiap-tiap polisi itu perlu dilihat sama kesan-kesan sampingannya (<sup>latent</sup> manifest function) dan perlu ada alternatif dan menjangka akibat-akibatnya sekali. Polisi yang baik adalah polisi yang dapat memberi 'net value achievement' yang maksima.

Pembentukan moral masyarakat mempunyai kaitan yang rapat dengan sistem pendidikan. Sistem pendidikan yang ada pada hari ini banyak menekankan dari segi akademik dan profession. Matlamat pelajaran tidak sahaja perlu ditekan dari kedua-dua aspek tadi, yang lebih penting lagi ialah penekanan dari aspek moral dan tanggung-jawab, Sebabnya masyarakat yang sihat ialah masyarakat yang bertanggung-jawab dan mempunyai moral yang tinggi, bukannya taraf ekonomi

yang tinggi semata-mata. Sekiranya fokus matlamat pelajaran memeninggikan nilai-nilai moral, biarlah nilai moral Islam dijadikan panduan kepada mereka yang berugama Islam. Begitu juga penyelesaian setiap masaalah bagi orang Islam berbentuk Islam yang tulen, supaya sifat keislaman itu ditanam kepada setiap golongan baik dari pihak elite hingga ke peringkat bawahan yang mempunyai tanggong jawab sebagai orang Islam.

Didalam menjalankan satu-satu polisi, kementerian-kementerian didalam kerajaan kita mesti mempunyai pengukur nilai supaya dengan ukuran nilai ini pihak masyarakat akan dapat merasakan faedahnya. Sebagai contoh, sekiranya Kementerian Pelajaran cuba menegakkan pendidikan moral didalam sistem pelajaran, disamping itu juga Kementerian Penerangan patut mengukuhkan lagi nilai ini dengan mengawal kemasukkan bahan bacaan yang berunsur mempengaruhi kejatuhan moral. Pihak T.V dan mass-media yang lain perlu dikawal dari diserapi pengaruh-pengaruh ini dan menjalankan kempen-kempen meninggikan moral. Kementerian Perdagangan juga perlu mengawal kemasukkan bahan-bahan perniagaan yang mencabul kehormatan moral. Pihak swasta pula perlu membetulkan sikap mereka supaya jangan semata-mata pentingkan keuntungan tanpa memberatkan langsung implikasinya sosial yang akan menimpa masyarakat.

#### Penutup

Sebagai kesimpulan bagi mengatasi masaalah moral seperti khalwat ini bukanlah satu perkara yang mudah. Ia memerlukan kerjasama dari semua peringkat, baik dari peringkat yang paling bawah hingga ke peringkat yang paling atas sekali. Tiap-tiap bahagian didalam masyarakat mempunyai fungsi untuk membentuk struktur sosial dan moral masyarakat.

Peringkat yang paling bawah dalam membentuk moral masyarakat ini terletak pada diri individu sendiri, bahkan individu sendiri-lah yang merupakan faktor terpenting yang menyebabkah keruntuhan moral. Dengan itu individu harus mempunyai tanggong jawab sendiri dalam memelihara diri sendiri dan mempunyai kekuatan rohani. Seterusnya peringkat yang lebih tinggi sedikit ialah keluarga yang harus memberi didikan sosial yang sempurna. Tanggong jawab ini terletak kepada ibu bapa dalam membentuk peribadi anak-anak, dengan membeberi didikan dari segi moral. Disamping itu juga ibu-bapa ~~mempunyai~~ harus hubungan yang rapat dengan anak-anak disamping mengujudkan satu suasana kawalan yang berkesan kepada anak-anak. Ibu-bapa juga semestinya dapat menunjukkan contoh-contoh yang baik kepada anak-anak, dan mereka mestilah menjadi contoh yang baik kepada anak-anak.

Diperingkat masyarakat pula, pengawalan dari seluruh anggota masyarakat atau komuniti amat penting dalam menentukan tingkah laku ahli-ahli didalam masyarakat. Masyarakat yang terlalu individualistik membuka peluang kepada anggota masyarakatnya melakukan peyelewengan. Perhubungan yang rapat antara ahli-ahli masyarakat dengan mewujudkan 'solidarity' yang kukuh dapat mengawal masyarakat dari melakukan perkara-perkara yang menyeleweng, termasuk khilwat.

Bagi peringkat yang lebih luas dan tertinggi sekali ialah diperingkat nasional. Pemerintah dan 'policy maker' harus menitik beratkan soal-soal moral masyarakat. Sikap pemerintah tidak boleh melepas tangan tentang masaalah sosial yang dihadapai oleh rakyat. Setiap rancangan atau purpolisi yang akan dijalankan harus sama melihat masaalah yang akan dihadapai oleh rakyat.

Corak pembangunan satu-satu negara terletak pada tangan pemerintah, dan sistem politiknya. Kalau terlampau menekankan kemajuan dari segi ekonomi sahaja, tanpa mempertimbangkan soal-soal moral yang akan timbul, akan mewujudkan masyarakat yang mementingkan nilai ekonomi sahaja, dimana nilai moral akan diketepikan. Dengan itu perlu wujud polisi-polisi yang memperseimbangkan kemajuan dari segi ekonomi dan juga moral. Soal yang terpenting sekali ialah pembentukan satu-satu polisi. Polisi maker ini selalunya terdiri dari golongan elite, golongan inilah yang membentuk corak hidup masyarakat dari rancangan-rancangan yang mereka jalankan. Golongan ini juga harus menitikberatkan kebijakan masyarakat lebih daripada kepentingan kedudukan mereka didalam politik dan sosial, dalam kata lain mereka harus bersikap lebih rasional.

Sebagai kesimpulan akhir dan penutup, untuk meyelesaikan masaalah moral ini tiap-tiap individu baik dari peringkat bawah hingga ke peringkat yang paling atas perlu wujud satu konsep yang ada pada diri mereka. Disebabkan masaalah khalwat ini sebagai masaalah orang Islam biarlah cara menyelesaiannya melalui konsep Islam juga seperti yang terdapat dalam petikan yang berikut:

"..... faham-faham perubahan, pembangunan dan kemajuan bila dikaitkan dengan kaum Muslimin atau digunakan dengan Islam merujuk suasana yang membayangkan orang-orang Muslimin yang sedang diserapi kejahilan dan yang sedang sesat meyeleweng dari jalan yang lurus dan benar, melainkan kembali Kepada ajaran dan amalan ISLAM yang tulen".<sup>15</sup>

---

15) Professor Syed Naguib Al-Attas, ibid.

B I B L I O G R A P H Y

- 1) Cloward, A Richard " Illegitimate Means, Anomie and Deviant Behavior ", ( American Sosiological Review; 1959 ).
- 2) " " and Lloyd Ohlin " Delinquency and Opportunity ", ( New York: Free Press; 1957 ).
- 3) Gagnon, John H and William Simon. " Sexual Scene", eds ( Chicago: Aldine Publishing Company; 1970 ).
- 4) \_\_\_\_\_ " Sexual Deviance", ( New York: Harper and Row; 1967 ).
- 5) Gebhard, Paul H, John H. Gagnon, Wardell B. Pomeroy and Cornelia V. Christenson. " Sex Offenders ", ( New York: Harper and Row, Publishers, 1965 ).
- 6) Haskell and Yoblonsky "Crime and Delinquency", ( Chivago: Rand Mc Nally, co; 1971 ) eds.
- 7) Knudten and Schafer "Juvenile Delinquency", ( New York: Random House; 1970 ).
- 8) Linton, Ralph "The Cultural Background of Personality", ( London Routledge and Kegan Paul Ltd; 1947 Perlembagaan Persekutuan.
- 9) Malaysia, \_\_\_\_\_
- 10) Merton, Robert K "Social Theory and Social Structure", eds, ( New York: The Free Press; 1957 ).
- 11) " " and Robert Nisbet. "Contemporary Social Problem", eds ( New York: Harcot, Brace Jovanovich Inc; 1971 ).
- 12) Noel Pitts Gitt and L.A Halbert Urban Society, eds. ( New York: T.Y Orowell; 1961 ).
- 13) Pulau Pinang Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri, No 3, Tahun 1959.
- 14) Reiss, Ira L "The Social Context of Premarital Permissiveness", ( New York: Rinehart and Winston, Inc; 1967 ).

- 15) Sellin, Johan Thorsten "Culture Conflict and Crime", eds ( New York: Social Sciences Research Council; 1938 ).
- 16) Syed Hussein Ali "Social Stratification in Kampung Bagan", ( Singapore: Monograph of JMBRAS; 1964).
- 17) Syed Naguib Al Attas "ISLAM - Faham Ugama dan Asas Akhlak", ( Kuala Lumpur: Yayasan Anda; 1977.
- 18) Al-Quran.
- 19) Utusan Malaysia 1 November 1977.  
14 November 1977.  
24 November 1977.
- 20) Nota-nota kuliah "Masaalah sosial di Asia Tenggara" Tahun 3 Jabatan Antropologi dan Sosiologi.